

seka ta

15 OGOS 2000 TAHUN 2 BIL:01 ISBN 0217-4627

WADAH PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN PERSURATAN



CATATAN BAHASA SEORANG WARTAWAN

Cerpen: **BERTEDUH DI PINGGIR KA'ABAH**

Majlis Bahasa Melayu Singapura

<i>Pengerusi</i>	:	YB Haji Sidek Saniff
<i>Timbalan Pengerusi</i>	:	YB Haji Yatiman Yusof
<i>Setiausaha</i>	:	Abdul Malek Ahmad
<i>Penolong Setiausaha</i>	:	Mohd Agos Atan
<i>Bendahari</i>	:	Drs Haji Masran Sabran

Abli Jawatankuasa

YB Encik Harun Abdul Ghani

Hj Wan Hussin Hj Zoohri

Hj Kasmadi Hj Nasir

Hj Ahmad Thani Ahmad

Hj Ma'amun HMF Suheimi

Hj Muhd Ariff Ahmad

Dr Liaw Yock Fang

Mohd Naim Daipi

Dr Kamsiah Abdullah

Dr Hadijah Rahmat

Mohd Raman Daud

Hj Masuri Salikun

Mohd Zulkifli Rahmat

Zakiah Halim

Zubaidah Mohsen

Alamat

Kementerian Penerangan & Kesenian

MITA Building #02-02

140 Hill Street, Singapura 179369

Tel: 8379699 Faksimili: 8379680

Majlis Bahasa Melayu Singapura

<i>Pengerusi</i>	:	YB Haji Sidek Saniff
<i>Timbalan Pengerusi</i>	:	YB Haji Yatiman Yusof
<i>Setiausaha</i>	:	Abdul Malek Ahmad
<i>Penolong Setiausaha</i>	:	Mohd Agos Atan
<i>Bendahari</i>	:	Drs Haji Masran Sabran


Abli Jawatankuasa

YB Encik Harun Abdul Ghani
Hj Wan Hussin Hj Zoohri
Hj Kasmadi Hj Nasir
Hj Ahmad Thani Ahmad
Hj Ma'amun HMF Suheimi
Hj Muhd Ariff Ahmad
Dr Liaw Yock Fang
Mohd Naim Daipi
Dr Kamsiah Abdullah
Dr Hadijah Rahmat
Mohd Raman Daud
Hj Masuri Salikun
Mohd Zulkifli Rahmat
Zakiah Halim
Zubaidah Mohsen

Alamat

Kementerian Penerangan & Kesenian

MITA Building #02-02
140 Hill Street, Singapura 179369
Tel: 8379699 Faks: 8379680



Kulit luar merupakan lukisan Hj. Abdul Ghani Hamid yang berjudul "Lalang"

Sidang Editor

Penasihat:
Hj Muhd Ariff Ahmad (Mas)
Hj Masuri Salikun (Masuri SN)

Editor:
Mohd Raman Daud

Editor Eksekutif:
Djamal Tukimin

Editor tata susun:
Amran Mael

Kewangan:
Drs Masran Sabran

Kandungan:

- CATATAN BAHASA SEORANG WARTAWAN.... 2
- AKRONIM, YANG BANYAK MENIMBULKAN MASALAH DALAM PERKEMBANGAN BAHASA..... 6
- SUDUT PANDANGAN DALAM PENULISAN CERPEN..... 10
- BERTEDUH DI PINGGIR KA'ABAH..... 17

WADAH BICARA PROAKTIF

Terakhir ini *Sekata* mengalami beberapa ubah suai. Tujuannya ialah untuk menampung bidang kerja Majlis Bahasa Melayu dan menambat hati pembaca.

Dalam keluaran kali ini, kami cuba menampilkan gambar kulit luar yang terdiri daripada karya pelukis setempat. Sekilas mengenai makalah yang terkandung dalam majalah ini turut dipaparkan.

Namun mutu majalah bukanlah pada kulitnya saja, kami juga memastikan isinya tetap bermutu. Kami cuba mengekalkan isi yang berupa hal-hal kebahasaan seperti nahu, istilah, ejaan dan sebagainya, soal budaya dan sastera serta aspek semasa seperti perbincangan mengenai pemupukan elit budaya Melayu.

Dalam jangka pendek, matlamat kami ialah menjadikan *Sekata* sebagai wadah bicara yang pro-aktif. Namun dalam jangka panjang, kami ingin menjadikan *Sekata* pula sebagai wadah yang mempunyai daya pikat serantau dan, insya-Allah, antarabangsa.

Proses ke arah pencapaian matlamat jangka pendek dan panjang itu tentulah bermula dari dua segi - aspek kepengarangan dan aspek sambutan pembaca. Keduanya bak irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan.

Penghargaan tidak terhingga kami kepada YB Haji Haji Sidek Saniff selaku pengerusi Majlis Bahasa Melayu yang berani melangkah ke tipa fikir (mindset) baru dalam rangka memajukan *Sekata*. Sesungguhnya inilah yang kita mahukan - anjakan paradigma atau pemikiran dan kaedah.

Jika kita ingin melihat masyarakat pengguna bahasa Melayu terus canggih di segi pemikiran dan sumbangan. Idea baru perlu diterapkan. Ia akan membawa perubahan - sekali bah, sekali pantai berubah.

Sesungguhnya kini kita meminjam masa anak cucu kita. Mudah-mudahan hasrat ini akan kesampaian jua.

MOHD RAMAN DAUD
Editor

CATATAN BAHASA SEORANG WARTAWAN

Oleh: Mohd Raman Daud



Mohd Raman Daud
lahir di Riau,
Indonesia, pada 13
November 1957.

Beliau pernah
bertugas sebagai
guru, penulis skrip
drama di SBC dan
kini sebagai
wartawan kanan di
Berita Harian.
Naskah drama
pentas beliau
"Bicara" pernah
memenangi
Anugerah Sastera
(penghargaan) bagi
tahun penilaian
1981/1982 dan telah
dibukukan dalam
antologi naskah
drama "Tiga Visi"
terbitan Pekumpulan
Seni (PS).

Selain itu tulisan-
tulisan seni beliau
juga dikumpulkan
dalam antologi esei
seni "Dinamika
Budaya" terbitan
Majlis Pusat (MP).

PEMBENTUKAN elit budaya Melayu agak hangat diperkatakan dewasa ini.

Menurut Majlis Bahasa Melayu Singapura, elit budaya ialah anak Melayu yang arif bahasa dan budaya ibundanya, serta menyumbang ke arah penyuburan warisannya.

Antara kerjaya dikaitkan dengan elit budaya ialah guru, pensyarah bahasa dan sastera atau profesional umum termasuk peguam dan doktor atau wartawan?

Layakkah wartawan Melayu ditempatkan dalam golongan istimewa ini? Umumnya, bilangan wartawan Melayu lebih terbatas berbanding dengan guru Melayu. Sekadar contoh, anggota Kesatuan Guru Melayu Singapura mempunyai sekitar 1,500 orang anggota.

Akhbar Berita Harian, harian tunggal berbahasa Melayu di Singapura, kini mempunyai 80 orang kakitangan. Lebih separuh yang bertindak sebagai wartawan - pemberita, penyunting dan editor. Selain media cetak, wartawan Melayu Singapura juga terdapat dalam media elektronik - radio dan televisyen, iaitu sekitar 30 orang. Jelas wartawan Melayu yang menulis/menyiar di Singapura mungkin sekitar 100 orang. Tetapi apakah mereka sudah boleh dianggap elit budaya?

SEJARAH ELIT MELAYU

W.R. Roff dalam bukunya, "Malay Nationalism", menyifatkan cendekiawan Melayu Singapura yang awal diisi oleh dua golongan - wartawan dan guru.

Antara lain, gerakan cendekiawan Melayu Singapura telah mendorong penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (singkatannya *kaf-mim-sim*) pada awal dekad 1920-an. Ia merupakan badan separuh politik yang pertama di Malaya dan mungkin antara

terawal di rantau ini. Ia merupakan gagasan Mohd Eunus Abdullah, pengarang akhbar Utusan Melayu yang sebelumnya adalah pegawai pelabuhan. Akhbar ini pula ditaja oleh syarikat milik kumpulan gereja (Methodist Publishing House) yang menerbitkan akhbar Singapore Free Press.

Memandangkan Singapura merupakan pusat penting penerbitan, ramai wartawan mengembangkan sayapnya di sini. Ditaksirkan antara 1876 sejak akhbar Jawi Peranakan sehingga 1970, terdapat 150 akhbar dan majalah beroperasi di Singapura lebih lima tahun setiap satu.

Dalam pada itu, ada pula guru yang bertindak sebagai wartawan atau terlibat dalam bidang penerbitan. Antara mereka itu ialah Haron Mohd Amin (Pak Har atau Harun Aminurashid), Mahmud Ahmad dan Muhd Ariff Ahmad.

Gerakan organisasi atau badan masyarakat Melayu turut dirintis oleh wartawan dan guru, terutama selepas Pendudukan Jepun. Ini memuncak dalam 1950-an dan hanya menurun pada akhir 1970-an. Difahamkan daripada 200 buah badan Melayu yang berdaftar, dua pertiga dikaitkan dengan guru, terutamanya, dan wartawan.

Peranan dominan guru terus meluas ketika masyarakat Islam giat membangun masjid di estet perumahan. Ciri dominan ini, menurut budayawan Hj Muhd Ariff Ahmad, kerana "dalam zaman penjajahan, kebanyakan anak Melayu belajar di sekolah Melayu. Yang terbaik atau 'the cream' pula dipilih menjadi guru pelatih ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim. Itulah sebabnya guru Melayu secara semula jadi menjadi cendekiawan dalam masyarakat".

Berbeza dengan guru, tugas wartawan

lebih mendasar ke akar umbi tetapi turut menjangkau pimpinan teraju. Pendedahan ini menyebabkan mereka sering dianggap 'indera' masyarakat, hujah A Samad Ismail, pengasas dan presiden pertama Persatuan Wartawan Melayu Singapura serta pengarang di Utusan Melayu, Berita Harian (Malaysia) dan The Straits Times.

Kalangan wartawan Melayu juga dipilih menjadi pemimpin politik, antaranya Presiden pertama Singapura, Yusof Ishak (mantan pengurus Utusan Melayu), Abdul Rahim Ishak (adik Yusof, juga dari Utusan dan kemudian menjadi Menteri Negara Ehwal Luar), Othman Wok (Menteri Kebajikan Masyarakat), Ghazali Ismail (Setiausaha Parlimen Pendidikan).

Bahkan barisan pemimpin politik Melayu hari ini juga turut terdiri daripada mantan wartawan iaitu Abdullah Tarmugi (kini Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan), Yatiman Yusof (Setiausaha Parlimen Kanan Penerangan dan Kesenian), Mohamad Maidin Packer Mohd (Setiausaha Parlimen Pendidikan), Zainul Abidin Rasheed (Setiausaha Parlimen Kanan Ehwal Luar) dan Hawazi Daipi (anggota parlimen).

KESINAMBUNGAN

Dapatkah wartawan Melayu Singapura terus menyambung tradisi elit budaya yang dirintis oleh Mohd Eunus Abdullah?

Soalan ini amat akrab dengan usaha untuk memupuk generasi pelapis wartawan. Umumnya kalangan wartawan Melayu generasi kini terlatih secara tidak khusus. Segelintir saja mendapat latihan bidang komunikasi massa (mass communication) atau Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura (NUS). Namun sebenarnya belum ada akademi atau sekolah yang memberikan disiplin khas untuk membentuk wartawan Melayu. (Seyogia diingat Berita Harian ada menaja hadiah buku untuk siswa terbaik Pengajian Melayu NUS).

Jika dulu kebanyakan wartawan Melayu berpendidikan aliran Melayu, kini tidak lagi. Bagaimanapun wartawan Melayu yang ternama seperti A Samad Ismail, Othman Wok, Said Zahari (ketiga-tiganya dari Utusan Melayu) dan dan kemudian Mustapha Suhaimi, Hussein Jahidin dan Zainul Abideen Rasheed (ketiga-tiganya mantan editor Berita Harian) pula berpendidikan Inggeris. Namun penguasaan bahasa Melayu mereka agak luar biasa. Selain itu, mereka juga sebagaimana guru SITC, merupakan 'yang terbaik' daripada masyarakat Melayu.

Kini wartawan Melayu mungkin sesiapa saja yang dapat bertutur dan menulis agak baik dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Bagaimanapun terdapat kebimbangan bahawa pendidikan dalam bahasa Inggeris begitu dominan sehingga membuat anak Melayu, termasuk calon wartawan, 'berfikir dan merasa' dalam bahasa Inggeris.

Kesan berfikir cara Inggeris ini dikatakan terpapar pada tulisan atau aliran idea. Setakat mana kebenaran kebimbangan ini? Tentuah satu kajian tuntas diperlukan dalam hal ini.

Dari satu segi, memanglah soal melahirkan wartawan tidaklah begitu mencabar kini. Tetapi di segi yang lain, untuk melahirkan wartawan *vernakular* (berbahasa ibunda) di Singapura semakin sukar. Tambahan pula di segi komersil, media dalam bahasa Melayu di Singapura kurang menambat wang iklan. Ertinya, wartawan Melayu (termasuk penyiar) mungkin mempunyai ganjaran lebih rendah berbanding dengan wartawan aliran Inggeris.

LATIHAN WARTAWAN MELAYU

Umumnya wartawan adalah wartawan. Iaitu ia mesti melalui latihan kewartawanan di segi menilai dan memproses sehingga menyaji-kan berita secara grafik. Kerana kepesatan teknologi maklumat, wartawan kian diperlukan untuk khusus dalam bidang tertentu dan mempunyai keilmuan dalam

bidang itu. Ini dipanggil *beat system* atau bidang cebur.

Misalnya, jika yang diceburi ialah ehwal guaman, maka wartawan itu diharapkan tahu mengenai selok-belok guaman. Lebih baik lagi, jika wartawan itu merupakan lulusan bidang hukum. Trend ini telah melahirkan apa yang disebut wartawan pakar.

Jadi bagi wartawan Melayu, ia tentulah diperlukan untuk menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kerja, ilmu umum kewartawanan dan juga bidang cebur.

Secara rambang, berdasarkan sembang dengan wartawan muda di sini, kebanyakan mereka mengeluh masalah berikut:

- Ketukangan bahasa - menyampaikan berita dalam bahasa Melayu yang mudah tanpa mengurangi dampak sebenar berita yang diterjemahkan daripada bahasa Inggeris yang tampak canggih di segi isi dan penampilannya;
- Kekurangan istilah bertepatan dalam bahasa Melayu; dan,
- Aspek ejaan Melayu yang tidak mantap.

TUKANG BAHASA

Salah satu keperluan asas wartawan ialah ia perlu mempunyai kemahiran tinggi di segi bahasa. Istilah Inggerisnya ialah *word smith*. Lazimnya ia diperolehi daripada kegigihan membaca dan menulis, termasuk secara kreatif iaitu karya sastera. Hal inilah yang didapati agak ketara kekurangannya di kalangan wartawan Melayu kini.

Zaman wartawan Melayu yang turut terlibat sebagai sasterawan tampak kian menjauh. Kepupusan tradisi ini sedikit sebanyak menjejaskan 'keharuman' imej wartawan zaman bahari, iaitu sebagai penulis serba boleh termasuk dalam bidang penulisan kreatif.

Ketukangan bahasa amat perlu demi memastikan kelestarian bahasa Melayu di media cetak dan elektronik.

Prinsip penulisan menghendaki wartawan memelihara nahu yang baku. Ini kerana

bahasa Melayu di media diharapkan dapat menjadi pemantap budaya di Singapura. Bahkan sering kelas bahasa Melayu di sekolah menggunakan keratan akhbar dalam latihan kefahaman. Cakap mudahnya, wartawan perlu tahu prinsip subjek-predikat, kata aktif/pasif dan selanjutnya agar tulisannya tidak diselar oleh murid sekolah sebagai 'tak ikut nahu'.

Namun gaya bahasa wartawan agak berbeda berbanding bahasa sekolah. Demi jimat atau ekonomi bahasa, gaya bahasa wartawan telah cuba mengelakkan hal-hal berikut:

- 1 perdu perkataan - hatta, syahdan, sebermula dan sebagainya. (Ini sudah bermula sejak dekad 1940-an lagi.)
- 2 penjodoh bilangan - orang (contoh: empat kelasi bukan empat orang kelasi; atau empat sekolah bukan empat buah sekolah)
- 3 pemecahan ayat demi mengelakkan penggunaan terlalu banyak koma atau kolon agar ayat lebih padat lagi jelas (3 hingga 15 perkataan seayat).

ISTILAH

Wartawan paling terdedah kepada istilah baru, terutama dalam bahasa Inggeris. Sayang sekali buku istilah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sering tidak dapat mengejar istilah terbaru. Ini menimbulkan keadaan serba salah pada diri wartawan - khuatir mencipta istilah yang boleh dianggap 'memandai-mandai'.

Bagi Singapura pula, keadaan di sini agak unik dan menimbulkan istilah tersendiri.

Contohnya, ketika Singapura memperkenalkan sistem bas OMO (One-Man-Operation) iaitu hanya pemandu tanpa kelindan (conductor), timbul masalah istilah dalam bahasa Melayu. Akhirnya masalah istilah ini diatasi oleh suri rumah yang sering pergi ke pasar. Iaitu mereka memanggil bas begini sebagai 'bas tabung'. Istilah ini terus melekat.

Suatu waktu dulu, kekata Inggeris seperti sophisticated (ejaan Melayu: sofistikated), survival (dieja sama atau diistilahkan sebagai kelanjutan) dan commitment (komitmen) digunakan begitu luas.

Namun 10 tahun terakhir ini istilah tadi mendapat ganti dalam bahasa Melayu iaitu

canggih (bahasa Minang), penakatan (bahasa Jawa) dan iltizam (bahasa Arab).

Ada kala mencari istilah merupakan kerja yang terlalu memenatkan. Memang sudah ada Jawatankuasa Istilah di bawah Majlis Bahasa Melayu tetapi ia tidak begitu cepat untuk mengejar istilah baru dalam bahasa Inggeris, terutama yang menyangkut sains dan teknologi. Masih banyak istilah komputer dan Internet dalam bahasa Inggeris yang belum diterjemahkan atau dicari padanannya dalam bahasa Melayu.

Oleh itu, akhbar Berita Harian turut terlibat dalam pengenalan istilah baru. Sering juga istilah tadi kemudian dipakai terus oleh masyarakat.

Berita Harian mempunyai jawatankuasa khas bahasa Melayu pimpinan editornya. Dasar bahasanya bersifat pragmatik, iaitu:

- Memanfaatkan panduan bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur;
- Memanfaatkan panduan bahasa daripada Majlis Bahasa Melayu (MBM); dan,
- Mencipta daftar ejaan dan istilah tersendiri. Ada kala daftar ejaan BH juga diubah andai istilah serupa dari DBP atau MBM didapati lebih tepat.


ASPEK EJAAN TIDAK MANTAP

Walaupun pembakuan bahasa meliputi ejaan, namun aspek ini boleh dikatakan masih belum mantap. Hal ini membingungkan wartawan. Antara ejaan belum mantap ialah:

- Nama tempat (termasuk negara) masih bercelaru ejaannya. Contoh, Kota Bharu ialah ejaan rasmi ibu kota Kelantan, sebagaimana terpapar dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga. Tetapi di segi logika, patut ia dieja Kota Baharu atau Kota Baru saja. Begitulah juga dengan ejaan Johor Bahru, ibu kota negeri Johor. Wajarkah Ivory Coast (sebuah negara di Afrika dieja cara Inggeris) atau dieja seperti cara Indonedia, Negara Pantai Gading (lihat Kamus Besar Indonesia).
- Kekata majmuk

Mengapakah rumah tangga tidak dieja 'rumahtangga'? Bahkan proses perkahwinan iaitu 'berumah tangga' dieja menjadi renggang 'berumah tangga'. Di segi logika

wartawan ialah dua kekata yang disatukan untuk satu makna, wajar dicantumkan.



MASA DEPAN KEWARTAWANAN MELAYU

Dapatkah kewartawanan Melayu berkembang di Singapura?

Soalan ini bergantung kepada sikap orang Melayu Singapura terhadap bahasa dan budayanya serta kesan budaya Melayu serantau. Berdasarkan sambutan terhadap Berita Harian yang terus meningkat edarannya (dari 40,000 dalam 1984 kepada 70,000 naskhah pada awal tahun 2000; dengan Berita Minggu mempunyai tambahan 10,000 pembaca), jelas trendnya memang cerah. Dalam pada itu, Radio Warna turut mencatatkan bilangan pendengar yang maksimum ke setiap rumah dan radio kereta milik Melayu.

Di segi lain, tekanan pemerintah terhadap bahasa Melayu agar diajarkan secara fleksibel - dengan mengadakan bahasa Melayu mudah sehingga bahasa Melayu Tinggi - turut menyuburkan permintaan bahasa Melayu di sekolah.

Bahasa Melayu juga diajarkan sebagai bahasa ketiga kepada murid bukan Melayu dan para pegawai pemerintah atas kesedaran komunikasi dengan masyarakat Melayu rantau ini. Terpapar kesedaran luas bahawa bahasa Melayu penting sebagai perantara di rantau lautan berbahasa Melayu.

Selagi jati diri kemelayuan ini dapat dipertahankan, maka media dalam bahasa Melayu akan tetap berperanan. Bahkan peranan media dan pengguna bahasa Melayu dapat dikatakan saling isi-mengisi atau kukuh-mengukuhkan. ■

AKRONIM, YANG BANYAK MENIMBULKAN MASALAH DALAM PERKEMBANGAN BAHASA

Oleh: *Djamel Tukimin*



Djamel Tukimin
dilahirkan di daerah
kumuh Geylang
Serai, Singapura,
pada 20
Oktober 1946.

Bekerja di berbagai-
bagai tempat dan
bermacam-macam
pekerjaan
tetapi lebih banyak
bidup atas sagubati
penulisannya
sejak tahun-tahun
70-an lagi.

Cerpen, merupakan
tulisan pertamanya
dalam tahun 1963
tetapi ternyata
beliau lebih kuat
dalam puisi. Pernah
mengikuti acara
Baca Puisi Dunia di
Kuala Lumpur yang
menghadirkan
puluhan penyair
dari seluruh dunia.

Karyanya banyak
yang telah pernah
diterbitkan,
termasuk puisi
panjang?
Betapa Pun
Nyanyian Rindunya
Si Anak Geylang
Serai? tahun 1999.

BUAT pertama kalinya ketika Pertemuan Dunia Melayu berlangsung di Melaka kira-kira pada awal tahun 80-an terjadilah satu perdebatan sengit antara Tan Sri Prof. Dr. Ainuddin Wahid dari Malaysia dengan Prof. Dr. Umar Kayyam dari Indonesia mengenai penggunaan *akronim* dalam ucapan lisan dan tulisan.

Bagi Dr. Ainuddin mendakwa bahawa bahasa Indonesia dalam perkembangannya banyak telah dirosakkan dengan penggunaan akronim dengan seluas-luasnya sehingga amat sukar untuk dikawal lagi. Dan, keadaan ini bertambah parah dengan banyaknya timbul akronim yang sifatnya sangat pribadi dan hanya diketahui oleh si pemakainya saja. Itu pun belum, barangkali, akronim yang digunakan pula untuk tujuan-tujuan yang hanya berlaku dalam sesebuah daerah saja, misalnya.

Sementara itu pada pandangan Dr. Kayam seorang akademisi dari Universitas Gajah Mada dan juga seorang sasterawan, menyatakan bahawa penggunaan akronim tidak menjadi masalah besar dan tidak mungkin membawa sebarang gejala kerosakan bahasa. Kerana, akronim secara tidak langsung berusaha membantu perkembangan bahasa itu sendiri, malahan ia dapat memperkaya pengertian bahasa yang berbobot.

Di satu segi pula Dr. Kayam menganggap bahawa perkembangan bahasa dengan terjadinya akronim sebenarnya telah melakukan sesuatu yang amat wajar dan

sangat bererti bagi perkembangan bahasa itu sendiri. Mungkin pengguna bahasa Melayu tidak boleh menerimanya, tetapi bagi pengguna bahasa Indonesia tidak pernah menimbulkan sebarang keresahan dan masalah.

Sebagai satu bandingan, saya tampilkan satu contoh lain lagi. Pada sekitar bulan April 1999 (masa awal kempen pilihanraya umum Indonesia sejak zaman reformasi ini) seorang teman saya menelefon dan bertanya apakah yang dimaksudkan oleh Dr. Amien Rais dengan kenyataannya, "*Pemilu* kali ini mestilah *jurdil* dan *luber*..." Walau pun keturunan Jawa teman itu seorang awam dan sering pula dapat "menyetel" saluran TV Indonesia, maka nukilan seperti apa yang dikatakan Dr. Amien tak dapatlah dia memahami dan mengerti dengan sebenarnya.

Mahu tak mahu terpaksa saya menerangkan ertinya nukilan tersebut. Nukilan itu bermaksud, "*pemilihan* umum kali ini mestilah *jujur* dan *adil* dan langsung *umum bebas* dan *rahsia*." Pemilihan umum membawa erti pilihanraya umum (general election), sementara erti kata dasar "*luber*" (yang bukan akronim) ialah melimpah ruah.

Dalam perkembangan bahasa tentulah mengakronimkan atau tindakan penyingkatan beberapa sukukata perkataan atau penggunaan huruf awal, tengah dan hujung itu, untuk memberikan kesan dan bertujuan untuk memudahkan dan

memperkayakan bahasa tentulah sesuatu perkembangan yang wajar. Tentunya perkembangan dapat dikawal di samping dapat dicernakan kepada pengguna bahasa, sementelahan lagi dengan masuknya istilah-istilah asing yang dapat dianggap boleh mengelirukan dan peranan akronim semacam ini dapat menghindarkan sebarang ulangan yang membosankan.

Pada umumnya bahasa Melayu sendiri juga telah menggunakan singkatan atau akronim dalam penggunaan bahasa sehari-hari sejak zaman orang Melayu pandai menggunakan bahasa sebagai alat penguapan dan perhubungan. Maka, pada dasarnya pengakroniman atau penyingkatan seperti ini bukanlah satu perkembangan asing dalam budaya berbahasa di kalangan orang Melayu, cuma pengamalan ini lengkap terbatas dan dapat dikawal pembentukannya.

Kalau dapat diberikan contoh-contoh bagaimana penggunaan akronim yang pernah digunakan dalam perkembangan budaya berbahasa orang Melayu, misalnya bila seseorang memanggil seorang wanita dengan sebutan Mak Jah (ertinya Makcik Khatijah atau Halijah), Bang Man (Abang Osman atau Parman), Nek Dah (nenek Faridah atau Bedah), pak (bapak), dik (adik) dan sebagainya. Namun demikian akronim seperti ini biasanya dipakai dalam keadaan yang tidak rasmi (informal).

Demikian akronim juga berlaku bagi, pada umumnya pada kata nama dan kata bentukan lainnya yang merupakan kata yang terbentuk dengan menggunakan huruf awal, sukukata atau gabungan huruf awal dan sukukata dari satu rangkaian, dan yang dituliskan serta dilafazkan sebagai kata yang wajar seperti pawagam (*panggung wayang gambar*), kugiran (*kumpulan gitar rancak*), cerpen (*cerita pendek*), radar (*radio detecting and ranging*), MUIS (*Majlis Ugama Islam Singapura*), ASEAN (*Association of South*

East Asian Nations), GAPENA (*Gabungan Penulis Nasional*), dan sebagainya.

Dengan demikian agak berbeda dengan akronim yang dilafazkan berdasarkan gabungan huruf awal dan disebut huruf demi huruf seperti MP (*Majlis Pusat*), RKM (*Rumah Kebajikan Muhammadiyah*), BH (*Berita Harian*), PPIS (*Persatuan Pemuda Islam Singapura*), ASM (*Amanah Saham Mendaki*), DBS (*Development Bank of Singapore*), dan lain-lain.

Sebenarnya kekata *akronim* berasal dari kekata Yunani *akros* (bererti *kemuncak* atau *paling atas*) dan *onyma* (bererti *nama*), dari itu akronim membawa erti kata yang terbentuk dengan menggabung huruf awal, suku kata atau sukukata dari satu rangkaian kata. Demikian juga akronim merupakan singkatan dari satu-satu kata seperti *lab* (*laboratory*), *ed* (*editor*), *bal* (*balaman*), *sin* (*sinus*), *ca* (*calcium*), dan lain-lain.

Bagaimana pun, sebagai dikatakan lebih awal oleh curahan perasaan Prof. Dr. Ainuddin Wahid bahawa akronim sebagai satu elemen perkembangan bahasa dalam Bahasa Indonesia (BI) tidak terkawal dan boleh membawa kepada kekeliruan pengguna bahasa serta dalam masa yang sama boleh menjurus kepada kerosakan bahasa itu sendiri.

Dr. Farid On (lih. *Dewan Bahasa*, Dis 81) pernah menukilkan sebuah berita yang termuat dalam akhbar Angkatan Bersenjata, 25 Oktober 1978, halaman 6, yang berbunyi sebagai berikut:

"Para petugas Satgas Operasi Tatib Lantas Kodya Bandung yang terdiri dari Polri Komtabes 86, Pemda Kodya Bandung, Pomgar, DLLAJR, Organda, Hansip dan Banpol sedang melakukan razia di jalan-jalan Kota Bandung..."

Dengan mengakui terdapat banyak pemakaian akronim dan singkatan demikian banyak dalam tukilan tersebut dan anehnya dianggap sebagai "penghematan yang

bererti" bagi akhbar yang ruangnya amat terbatas sehingga dirasakan kesulitan untuk memuatkan isi berita sebenarnya yang berbunyi:

"Para petugas Satuan-tugas Operasi Tata Tertib Lalu Lintas Kotamadya Bandung yang terdiri dari Kepolisian Republik Indonesia Komando Kota Besar 86, Pemerintah Daerah Kotamadya Bandung, Polisi Militer Garnisun, Dinas Lalu Lintas dan Angkutan Jalan Raya, Organisasi Angkutan Daerah, Pertahanan Sipil dan Pembantu Polisi, sedang melakukan razia di jalan-jalan Kota Bandung..."

Tentu sekali bagi pengguna Bahasa Melayu (BM) tidak akan mengerti langsung erti di sebalik kewajaran akronim ini, mungkin saja pengguna BI sendiri akan terpinga-pinga dengan singkatan yang amat banyak dan kononnya boleh menghematkan ruangan yang terbatas itu.

Akronim dan singkatan dalam BI merupakan masalah yang menarik dan juga menimbulkan berbagai tanggapan yang kadang-kadang saling bertentangan antara satu sama lain. Seperti kata Prof. Dr. Slamet Imam Santoso penyusunan akronim dan singkatan merupakan "pengebirian bahasa Indonesia". Demikian juga banyak tokoh bahasa yang menilai akronim dan singkatan akan lebih banyak berakibat negatif bagi perkembangan BI sendiri.

Seperti Dr. Umar Kayam, maka Prof. Dr. Nugroho Notosusanto berpendapat dengan tegas bahawa penggunaan akronim dan singkatan adalah biasa dan wajar, malahan dapat berperanan positif dalam usaha menolong perkembangan bahasa. Terlepas dari masalah setuju atau tidak setuju, kita semua sedia maklumi bahawa akronim dan singkatan mempunyai peranan - baik positif atau negatif - dalam perkembangan BI.

Di samping akronim dan singkatan merupakan gejala yang bersifat kesejagatan (universal). Ertinya akronim atau singkatan ini terdapat dalam semua bahasa

yang wujud di dunia ini, walaupun terjadinya (terciptanya?) akronim itu sendiri belumlah lama dikenal.

Sebenarnya, satu pertanyaan akan bermain dalam minda kita, iaitu kenapa manusia suka menyingkat? Kewajaran dalam "usaha seminimal mungkin untuk mencapai tujuan" yang menguasai tingkah laku manusia rupanya berlaku juga dalam bahasa. Dalam bahasa kita pernah kenal "ekonomi bahasa" iaitu usaha untuk mencari keseimbangan antara keperluan berkomunikasi dan kegiatan baik fisik atau mental yang ingin ditekan sehingga seminimal mungkin. Akronim atau singkatan yang berfungsi untuk mempermudah pengucapan dan penulisan kata serta memperpendek kata yang dirasa terlalu panjang dapat memenuhi keperluan seperti ini.

Bertilik tolak dari anggapan fungsi singkatan dan akronim di atas maka tujuan pembentukannya jelas bersifat positif iaitu menuju penghematan dan kemudahan.

Tetapi kenapa di Indonesia akronim dan singkatan ini pertumbuhan begitu meledak sekali? Mungkin saja negara Indonesia saja di dunia ini terdapat berbagai kamus akronim dan ada yang tebalnya sekitar 700 halaman. Dalam satu tinjauan yang dilakukan melalui surat khabar Kompas, Suara Merdeka dan Sinar Harapan serta sebuah majalah berita Tempo pada akhir tahun 1981 selama tiga bulan (1 Oktober hingga 31 Disember 1981), maka hanya dalam masa tiga bulan ketiga surat khabar dan majalah berita tersebut didapati telah mencipatkan akronim dan singkatan berjumlah 2635. (Lih. Mukti Wibawa, Sinar Harapan 18 Nov 1982.)

Walaupun begitu, menurut Mukti Wibawa, perkembangan akronim pada majoriti orang Indonesia terutama "kuli tinta" (wartawan), ahli bahasa dan juga rakyat adalah sesuatu wajar ditelan saja,

apakah ia suka atau tidak maka arus deras akronim sulit untuk ditolak dan dihalang. Mungkin saja perkembangan akronim akan mengalami gejala dan ombak yang boleh menyempurnakan bahasa Indonesia dalam erti yang sebenarnya. (Kita harus sedar bahawa pengaruh sukukaw dalam perkembangan BI juga memainkan peranan penting selain faktor akronim itu saja, kerana menurut ahli bahasa Lukman Ali bahawa dengan *slang* Jakarta yang dipakaiguna sekarang ini terutama di ibukota Jakarta bukanlah mencerminkan hakikat bahasa Indonesia yang sempurna dan benar!)

Tetapi perkembangan akronim dan singkatan yang sedikit sebanyak menimbulkan bercelaru, kebingungan dan kekeliruan ini ditambah dengan makna ganda dari akronim itu sendiri atau memberi makna dari kata dasar. Dan perkembangan sedang merajalela dalam penggunaan bahasa Indonesia kini.

Maka di bawah ini diberikan beberapa contoh:

lelaki hilang :	<i>lelaki bidung belang</i>
perkasa :	<i>perkara kahwin sangat antusias</i>
mahdi :	<i>mahasiswa abadi</i>
pengusaha :	<i>pengangguran saban hari</i>
komisi :	<i>korupsi resmi saat ini</i>
SUMUT :	<i>Setiap Urusan Mesti Uang Tunai</i>
PAN :	<i>Partai Amien Nangis atau Partai Ahli Neraka</i>
Setan :	<i>Sarjana Ekonomi Pertanian</i>
DPR :	<i>Dewan Penipu Rakyat</i>

Dan banyak lagi yang diubah dari "makna" asal sesuatu kata atau akronim. Misalnya, mahdi itu berasal dari Imam Mahdi, SUMUT itu singkatan Sumatera Utara, PAN itu berarti Partai Amanat Nasional yang dipimpin oleh Dr. Amien Rais dan DPR itu memberi erti Dewan Perwakilan Rakyat (Anggota Parlimen).

Beginilah akhirnya dari perkembangan

bahasa melalui akronim atau singkatan sebagaimana dianggap wajar oleh Dr. Umar Kayam dari Indonesia, sementara Dr. Ainuddin Wahid dari Malaysia melahirkan keresahan dari meledaknya pemakaian akronim tanpa kawalan. ■



SUDUT PANDANGAN DALAM PENULISAN CERPEN

Oleh: Masuri P.N



Masuri S.N. atau nama sebenarnya Masuri bin Salikun telah dilahirkan pada 11 Jun 1927 di Singapura. Beliau pernah bertugas sebagai guru, guru besar, penulis tamu di ISEAS, Jabatan Pengajian Melayu, NUS dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur.

Sekalipun usia kini melebihi 70 tahun namun puisi-puisinya Masuri masih mampan dilahirkan dan kelahiran masih gagah dan segar.

Sekarang-kurangnya tujuh buah antologi puisi persendirian pernah diterbitkan sejak tahun 1958 dulu. Demikian antologi cerpen dan esei pernah diterbitkan sepanjang kerjaseni yang dilakukan oleh beliau sejak zaman Jepun lagi.

Beliau pernah menerima Bintang Bakti Masyarakat (BBM) dari pemerintah Singapura, SEA Writer Award dari pemerintah Thailand, Anugerah Asean (sastera) dan juga Anugerah Persuratan Tun Seri Lanang (Singapura).

RENCANA saya ini sekadar suatu pengenalan dan cuba menghuraikan sedikit sebanyak tentang salah satu teknik yang nampaknya jarang atau kalau adapun kurang diambil berat dalam membicarakan tentang soal cerpen sebagai suatu karya sastera kreatif.

Apa yang saya kemukakan disini hanyalah salah satu kaedah yang konvensional ataupun merupakan satu prinsip ketukangan menulis cerpen yang diharapkan dapat membantu penulis yang benar-benar baru meneruni bidang penulisan cerpen.

Janganlah dianggap saya memomok-momokkan atau merendah-rendahkan hasil penulisan cerpen karya penulis kita, baik penulis muda yang banyak menghasilkan cerpen mahupun golongan penulis veteran yang cerpen sudah puluhan dan bergumul dengan soal kreativiti penulisan.

APAKAH yang dimaksudkan dengan 'sudut pandangan' dalam istilah penulisan cerpen?

Ringkasnya, ia menjelaskan bagaimana sesuatu cerita itu disampaikan (diceritakan) atau "sesuatu cara (gaya) cerpen itu diceritakan. Tetapi sebenarnya membuat takrif "sudut pandangan" ini agak sukar, kerana dua sebab:

- kadang-kadang oleh pengarang cerpen itu digunakan semua sekali cara cerita itu disampaikannya, termasuklah retorik dan logiknya; dan,
- pengarang cerpen sekadar merujuk kepada seseorang (nama dan wataknya) sebagai periwayar ceritanya.

Cerpen merupakan sastera imajinatif. Jelasnya, ada berbagai-bagai cara sesebuah cerpen itu dapat diceritakan sehingga terlalu sukar untuk membezakan antara satu cara dengan cara yang lain.

Malah jikalau kita berterusan mendalami soal 'sudut pandangan' ini, mungkin membawa kita terus masuk berfikir kepada pembentukan cabang ilmu filsafat yang berurusan dengan sifat semula jadi kewujudan dalam sastera (termasuk penulisan cerpen). Yakni, setiap cerpen mempunyai seorang penulisnya dan seorang pembacanya. Soal bagaimana cerita itu dapat disampaikan kepada orang lain merupakan soal pokoknya.

PELBAGAI PENDAPAT

Ada berbagai-bagai pendapat mengenai pentingnya 'sudut pandangan' ini dalam karya fiksi (rekaan), termasuk cerpen, roman/novel dan sebagainya. Ada anggapan yang menyatakan bahwa "sudut pandangan" ini boleh dikatakan mewakili seluruh segi bentuk dalam fiksi. Ada pula yang berkata "sudut pandangan" ini malah dapat menjadi seluruh asas isi cerpen itu, sebagaimana yang dipersembahkan oleh pengarangnya. Atau mungkin pula sudut pandangan itu merupakan panduan keduanya tadi, yang berdasarkan kepada estetika sastera mencapai ciptaan seni sastera itu sendiri.

Sesetengah pendapat pula amat gemar membicarakan soal "sudut pandangan" ini dengan lebih tegas. Umpamanya:

- Bagaimana cerpen itu dicipta oleh penulisnya sehingga ia berjaya meyakinkan para pembacanya?
- Bagaimana unsur-unsur cerita itu disatukan secara artistik (ketika penulis menceritakannya).

Hal ini tentulah merupakan pertanyaan oleh seseorang peminat (juga pengkritik)

yang menekankan kepada soal 'fokus penceritaannya' dalam sesebuah cerpen.

Pendeknya, jika mengikuti perkembangan cerpen dengan lebih meluas dan mendalam, maka kita akan menemukan banyak sekali kaedah asas tentang sudut pandangan ini, antara yang terkenal ialah:

- kaedah 'interior monologue' (bicara dalam diri sendiri);
- dramatic monologue (bicara dalam diri sendiri secara dramatik);
- penceritaan menerusi surat;
- penceritaan menerusi buku harian (diari);
- penceritaan secara subjektif;
- secara terpisah (objektif) seperti teknik cinema; dan,
- penceritaan secara memoir dan banyak lagi lainnya.

Tetapi kalau hendak dimudahkan, baiklah kita mengatakan bahwa asas 'sudut pandangan' dalam cerpen itu terbahagi kepada dua sahaja --kaedah luaran dan kaedah dalaman, iaitu sama ada pencerita ada di dalam cerita yang diceritakannya ataupun ia berada di luar ceritanya.

EMPAT KAEDAH

Pada umumnya, ada empat kaedah 'sudut pandangan' yang lazim digunakan oleh penulis cerpen:

• Omniscient

Dalam kaedah ini, pengarang cerita itu seolah-olah tahu segala, baik mengenai benda, perkara atau orang-orang yang diceritakannya itu. Ia (pengarang) dapat memberi tahu kita tentang fikiran (apa yang difikirkan oleh seseorang watak; ia tahu segala latar belakang kehidupan watak itu sejak dari asal usulnya. Pengarang malah membuat komen terhadap ceritanya itu.

Ada kala kaedah begini disebut "kaedah dewa-dewa", yakni pengarang menjadi dan menampakkan kekuasaan penuhnya didalam rekaan cerpenya, iaitu mengarahkan kita selaku pembaca, bahkan membimbing kita bagaimana harus kita

bertindak balas terhadap cerpenya itu.

• Orang pertama

Dalam cerpen begini pengarang seolah-olah menjadi salah seroang watak dalam ceritanya. Boleh jadi pengarang menjadi watak utama yang menceritakan kehidupan kisah 'watak utama' dalam cerita tersebut. Atau, boleh jadi dia wujud di antara keduanya (tetapi ini tidak mudah dikesan dengan jelas). Sebab bentuk yang digunakan oleh seseorang pengarang itu, iaitu sama ada bentuk surat, 'interior monologue' dan sebagainya, akan menciptakan kelainan yang real, sekalipun cerita itu dipaparkan dengan kaedah 'orang pertama'. Ganti diri yang digunakan dalam 'orang pertama' ialah saya atau aku sebagai pencerita.

• Kaedah gambaran (scenic).

Dalam bentuk ini, pengarang seolah-olah tidak hampir tidak wujud dalam ceritanya. Dia sekadar menerangkan apa yang sedang berlaku. Dia tidak memaparkan apa yang telah berlaku atau latar belakang apa pun. Dia seperti berada di luar diri, jiwa dan fikiran watak yang digambarkan dalam cerpenya. Dia hanya mencatat percakapan dan gerakan pelaku dalam cerpenya saja. Dia sekadar menemukan ruang dan masa perkara itu berlaku. Dia sama sekali tidak membuat komen atau masuk campur dalam cerita tersebut,

Jelasnya, cerpen jenis ini seolah-olah kosong 'sudut pandangan' pengarangnya, atau dapat dikatakan kaedah ini merupakan suatu cerita yang dilihat menerusi 'mata' sebuah kamera. Kadang-kadang kaedah ini disebut juga 'pengarang pemerhati'.

• Pemusatan akal (Central Intelligence)

Dalam kaedah ini, pengarangnya menceritakan kisahnya dengan menggunakan minda (jiwa, otak, pemikiran, perasaan) seorang watak (pelaku) dalam ceritanya. Memang ada pada bahagian-bahagiannya, kaedah ini serupa dengan kaedah pertama (omniscient), yakni pengarangnya dapat memberikan latar belakang kehidupan segala macam perkara yang mengenai watak itu dengan secukupnya.

Kemudian kaedah ini boleh juga kelihatan serupa seperti kaedah ektiga (scenic) yakni pengatangnya seolah-olah berlagak tidak berada di tempat cerita itu berlaku.

Ataupun kaedah ini seurpa juga seperti kaedah kedua (orang pertama), yakni kita selaku pembaca terbatas kepada satu watak tunggal sahaja tentang apa yang dapat diamatinya/dirasainya mengenai sesuatu kejadian dan tindakan yang berlaku dalam cerita tersebut. Tetapi bezanya, watak itu tadi tidak mewakili sebagai 'orang pertama' saya atau aku dalam cerita tersebut, melainkan sebagai 'orang ketiga' (third person) yakni 'dia'. Maka implikasinya dalam cerita kaedah sudut pandangan ini (central intelligence), ialah 'orang ketiga' (dia) menjadi watak utamanya.

Keterbatasan dan kelebihan kaedah 'SUDUT PANDANGAN'

Pertama, berdasarkan logika, maka dapatlah dikatakan bahwa apabila seorang penulis cerpen itu telah memilih salah satu dari keaedah 'sudut pandangan, (iaitu berdasarkan dengan kajian kita sebagai pembaca dengan melihat suatu pernyataan atau pun cara pembinaan cerpen itu: bagaimana suatu sudut pandangan itu telah digunakan oleh penulisnya), maka ini bermakna penulis tersebut telah terlibat penuh untuk meneruskan atau mengekalkannya hingga cerpen itu selesai ditulis.

Oleh itu, membuat pemilihan dalam kaedah sudut pandangan dalam penciptaan sesebuah cerpen itu merupakan satu perkara yang penting. Ia dapat menentukan, sama ada hasilnya dapat diterima sebagai sebuah karya sastra yang bermutu atau sebaliknya.

Kedua, mengapa saya katakan demikian? Sebab setiap kaedah sudut pandangan itu mempunyai keterbatasan dan kelebihannya masing-masing. Umpamanya sahaja kita ambil kaedah sudut pandangan 'orang

pertama'. Disini keterbatasan itu lebih jelas, bila penceritanya juga adalah 'seorang watak' dalam cerpen tersebut. 'Saya' atau 'aku' hanya dapat melihat apa yang dilihat oleh matanya sendiri sahaja - dia hanya tahu fikirannya sendiri sahaja. Barangkali dia mungkin membayangkan atau mengagak-agak tentang fikiran dan niat dalam hati watak-watak lainnya dalam cerpen tersebut, tetapi yang sudah nyata, penulis mungkin memberitahu pembaca dengan pasti sesuatu yang tidak diketahui oleh 'orang pertama' sebagai pencerita tersebut.



Ketiga, kaedah sudut pandangan 'orang ketiga' yang wataknya diciptakan oleh penulis; umpamanya dengan memakai nama Hasan, Salehah atau pun 'dia' si polan dan sebagainya pun mempunyai keterbatasannya juga. Katakanlah sebuah cerpen itu memulai dengan satu watak bernama Hasan. Dia berbuat sesuatu; umpamanya bangun tidur, mandi, lalu sarapan, atau apa sahajalah diceritakan oleh penulisnya. Jika kita pembaca yang kemudiannya sudah cukup kenal dengan peribadi Hasan tadi, baik mengenai pemikirannya, amatannya, sejak dari permulaan cerita tersebut, maka sudah pastilah kita (pembaca) akan mengetahui segala-galanya menerusi cerpen tersebut, tentang sesuatu yang lebih dahulu diketahui oleh Hasan. Ini bermakna kita pembaca tidak akan mengetahui sesiapa pun yang lain yang terdapat didalam cerpen tersebut. Kecuali sesuatu atau seseorang yang lebih dahulu telah diketahui atau dikenali oleh Hasan. Jelasnya, pembaca tidak dapat melihat 'Kejadian' apa-apa, kecuali Hasan melihatnya dalam cerpen itu.

Maka nyatalah kaedah sudut pandangan 'orang ketiga' ini membelenggu atau membatasi penulis untuk lebih berkat (bercerita) kepada pembaca-pembacanya, sebab dia telah terikat dengan persepsi Hasan yang dipilihnya sebagai watak utama cerpennya, mengikut kaedah sudut pandangan 'orang ketiga' itu.

Keempat, setelah kita menyedari adanya berbagai-bagai keterbatasan dan kelebihan dalam kaedah satu pandangan dalam penulisan cerpen, maka saya fikir pemilihan yang tepat mengenai kaedah sudut pandangan ini sangatlah penting sebagai cara untuk mendapatkan satu kebulatan; iaitu tentang "bagaimana sesebuah cerpen itu kelihatan pada mulamulanya", lalu membawa kita merasakan akibat tindakan yang dilakukan oleh watak

dan kesannya hingga akhirnya sampai kepada "Cerita apakah yang kita baca itu?".

Dalam hal ini perlu disedari, bahwa sudut pandangan penceritaan sesebuah cerpen itu akan menentukan dua perkara ini:

- gerakan watak-watak menerusi tindakan (perbuatannya);
- identiti watak tersebut.

Jadi dengan penulis menumpukan kepada melaporkan tindakan wataknya, maka hal ini akan dapat menentukan, iaitu "Apakah perkara yang telah terjadi?". Dan sekaligus dapat menjelaskan, "Siapakah yang ditimpa ataupun menimpakan kejadian itu.

Selain itu, patut juga diperhatikan bahawa kaedah sudut pandangan dalam cerpen itu juga dapat menentukan tentang 'rapat' atau 'jarak'nya sesuatu cerpen itu dihidangkan kepada para pembaca.

Keempat-empat kaedah sudut pandangan yang saya kemukakan tadi jelas memberikan perbezaan darjah tentang 'kerapatan' dan 'kejarakan' dalam penulisan cerpen. Umpamanya, kaedah 'orang pertama' dapat dianggap paling rapat, sebab penulisnya begitu mesra, begitu kuasa dengan watak yang diutarakannya. Kaedah gambaran (scenic), dianggap paling jarak, sebab penulisnya tidak 'memasuki' fikiran dan hati watak sesiapa pun dalam cerpennya (Yakni ia sekadar melapor tindakan, atau mengisahkan sesuatu yang kelihatan bergerak dan seumpamanya.) Jadi terserahlah kepada diri kita masing-masing sebagai penulis untuk menentukan kaedah sudut pandangan yang paling sesuai dan paling serasi untuk kita pilih guna menghasilkan cerpen yang paling berkesan dan bermakna, baik dari segi tekniknya, mahupun dari segi penyampaian pesannya (messagenya) sehingga terdapat suatu kepaduan menjadi sebuah ciptaan seni.

Pengalaman muda

Berdasarkan pengalaman saya ketika pertama kali menulis cerpen (tahun 1946), saya langsung tidak tahu; apakah kaedah 'sudut pandangan' itu. Setelah membaca cerpen-cerpen yang baik, maka saya pun tertarik untuk menghasilkan cerpen. Memang banya juga yang diterbitkan oleh suratkhbar mingguan dan majalah waktu itu, seperti Utusan Zaman dan Mustika.

Saya pun berfikir pada waktu itu cerpen saya ada nilainya, kerana jika tidak masakan diterbitkan. Tetapi dengan berjalannya waktu dan dengan terus membaca, terus mempelajari dan menghayati bidang cerpen, saya menyedari bahwa cerpen-cerpen saya itu tidak pun dapat dianggap sebagai sebuah karya yang bermakna.

Ini disebabkan, pertama saya menulis mengikut bakat yang ada sahaja. dan kedua, saya tidak membuka mata dan hati kepada soal-soal teknik, walaupun yang basic pun tentang "apakah sebenarnya cerpen untuk dapat diterima sebagai karya seni yang bermutu. Ketiga, saya menulis bergantung kepada penguasaan bahasa yang saya miliki, yang saya anggap mampu untuk menceritakan sesuatu watak; mengemukakan sesuatu persoalan; menggambarkan sesuatu keadaan masyarakat dan kehidupan umat manusia.

Masa berlalu terus. Saya pun perlahan-lahan cuba mempelajari tentang soal teknik dalam penulisan cerpen. Sebab sebagai penulis cerpen, kita lazimnya banyak idea, banyak persoalan yang berkecamuk dalam otak dan perasaan kita, tetapi yang menjadi hambatannya ialah bagaimana hendak menghasilkannya di atas kertas hingga menjadi sebuah cerpen yang berhasil, bermakna dan tertangkap (memorable).

Saya pun mulai mempelajari soal watak dan perwatakan. Saya mempelajari soal interaksi antara watak, plot dan segala ilmu

dan teknik penulisan cerpen yang baik. Rasanya semua itu penting. Tetapi akhirnya saya menganggap soal kaedah "sudut pandangan" (point of view) ini merupakan salah satu teknik penulisan cerpen yang harus diambil berat, terutama oleh penulis yang baru cuba-cuba menulis cerpen.

Sebab ia merupakan 'suara' cerita itu dituliskan. Juga ia merupakan sebagai 'kawalan' terhadap gaya bahasa yang kita gunakan. Ringkasnya, ia merupakan hubungan rapat dengan sikap (tone) kita sebagai penulis cerpen tersebut.

Di samping sendiri menghasilkan cerpen, dalam masa yang sama, saya juga membaca hasil cerpen karya penulis mapan dan juga hasil karya penulis baru. Menurut amatan saya ketika itu, ada terdapat beberapa kesalah-fahaman dan kurang pengertian di kalangan penulis baru benar menghasilkan cerpen, terutama dalam soal kaedah 'sudut pandangan' (point of view), antaranya ialah:

- mereka memilih ketika menuliskan cerpennya itu kaedah sudut pandangan seorang watak yang bukan menjadi pusat (central) kepada suatu 'tindakan'.

Penulis muda mungkin memilih seorang luaran; umpamanya seorang kawan watak utama, ataupun seseorang yang tidak secara langsung terlibat di dalam cerpennya, (mungkin pada fikiran si penulis dengan cara begini, memudahkannya berbuat pendedahan (exposisi), sehingga para pembaca dapat memahami fakta-fakta keadaan dalam cerpen itu bersama-sama dengan mengikuti penceritaannya. Tetapi kalau diselidiki dengan mendalam, maka ternyata bahwa keperluan untuk pendedahan dalam sesebuah cerpen itu jarang benar mencukupi untuk dapat menghapuskan 'rasa tahu kesedaran tiada akibatnya langsung' dalam cerpen tersebut, kerana ketiadaan penglibatan penceritanya (penulis) dalam cerpen tersebut.

- penulis muda kadang-kadang merasa agak payah untuk mengadakan bahan-bahan latar belakang cerpennya.

Bila mereka menggunakan kaedah sudut pandangan 'orang pertama' yang mempunyai keterbatasannya itu. Lalu mereka berpaling kepada kaedah sudut pandangan "Omniscient" yang memudahkannya membuat pendedahan cerpennya. Tetapi sebetulnya penekanan kita (terutama penulis yang baru sahaja menulis cerpen) terhadap pendedahan (exposisi) tidaklah perlu, kerana sekiranya ada para pembaca yang memang benar tertarik dengan suatu 'tempat atau kesekitarannya' dalam sesebuah cerpen, maka ia dengan mudahnya akan 'menambah' sendiri (sedikit disini dan sedikit di situ) dalam cerpen yang dibacanya itu, dan akhirnya dia segera dapat mengumpul-lan "apakah sebenarnya yang berlaku dalam cerpen yang dibacanya. (Ini tentulah merupakan hasil cerpen yang amat cenderung kepada melapor' semata-mata daripada merupakan sebuah cerpen yang bermutu).

Penulis yang baru cuba-cuba menulis cerpen sepatutnya mengambil berat, ketika kedapatan kaedah sudut pandangan sesuatu watak itu yang dalam kedudukannya dalam cerpen itu tidak dapat mengetahui secara rinci tentang situasi (keadaan tempat dan kesekitarannya) dengan cukup jelas dan pasti, maka ini bukanlah bererti cerpennya itu gagal atau menemui jalan buntu. Malah kerap kali di sinilah (dalam keadaan beginilah) terletaknya rasa suatu kenikmatan yang cukup memuaskan, ketika kita membaca cerpen tersebut. Umpamanya, berdasarkan kepada berapa banyaknya kesan sesuatu watak dalam cerpen itu boleh mendapat (meresapi)nya, atau berjaya mengamatinya dari perasaan yang dialami oleh watak lain dalam cerpen tersebut yang pada akhirnya mungkin sahaja menjadi subjek cerita itu sendiri.

Oleh keterbatasan yang kedapatan pada kaedah sudut pandangan, sesuatu watak yang dengan tegasnya kita pertahankan - samada

dari kaedah 'orang pertama' atau kaedah "central intelligence" boleh menjadi sebagai satu aspek plot cerpen itu sendiri. Suspens, ironi dan segala macam kesan dalam plot cerpen itu dapat dihasilkan dengan mengekal-kan sesuatu watak tetap tidak tahu sebahagian daripada situasi yang sebenarnya berlaku dalam cerpen. Atau mungkin juga kesalah fahaman tentang tujuan sebenar watak-watak lain dijadikan sebagai aspek plot cerpen tersebut.

Saya pernah pada waktu menulis cerpen (sebagai pengarang baru cuba-cuba menulis cerpen) cukup melenting bila seorang editor, pengkritik sastera mengatakan saya CUI mengendalikn soal kaedah sudut pandangan ini dalam penulisan cerpen saya. Antara yang teringat, kata-katanya:

"Bermudahkan penguasaan bahasa yang baik seperti pandai menyusun ayat dengan gambaran yang indah, ditambah dengan memang sedia ada 'pokok persoalan' yang menarik serta idea yang muluk-muluk untuk dijadikan bahan sebuah cerpen, sebetulnya semua itu akan hancur berantakan dalam proses penciptaannya nanti jika kita tidak tahu-menahu tentang teknik, terutama tentang kaedah 'sudut pandangan dalam penulisan cerpen.'"

Entahlah. Bercakap betul pada masa itu saya cukup tersinggung kerana saya menganggap semua yang diperkatakannya itu adalah 'silly rules'.

Selepas itu saya cuba-cuba mengulang kaji cerpen saya dan menurut patuh akan arahan-arahannya. Tetapi ternyata cerpen saya menjadi 'tawar dan dingin'.

Kesimpulan

Kini saya mengambil keputusan bahwa kedua-dua sikap dan reaksi saya tadi (lama) itu sebetulnya tidak betul. Sebab menurut pengalaman dan pembelajaran saya dalam bidang sastera kreatif (di sini tentunya penulisan cerpen), saya berpendapat tidak ada 'rule of writing'. Sesebuah karya sastera

yang penting dan bermakna adalah dihasilkan sebagaimana dihasilkan oleh seseorang penulis dengan alasannya masing-masing. Jika *reason* atau alasan yang dikemukakan-nya itu sebenarnya tidak wujud, maka tentulah dia akan menghasilkan cerpennya dengan cara yang lain.


Hanya yang dapat saya katakan di sini ialah penetapan dan pengekalannya memegang dengan betul kaedah sudut pandangan dalam penulisan cerpen itu, saya kira, sekurang-kurangnya merupakan satu pertolongan untuk memusatkan fokus dan mengemaskan sebuah cerpen yang baik.

Memilih kaedah 'sudut pandangan' dalam ciptaan cerpen pada puncaknya akan menentukan keputusan-keputusan kita yang lain, yang berkaitan dengan watak-watak, plot, gaya (style) dan sebagainya. Malah pemilihan 'sudut pandangan' ini bolehlah dikatakan sebagai 'pusat' kaedah untuk dapat mencapai kesan kebulatan cerpen itu pada keseluruhannya.

Andai kata kerana kita hendak tetap mengekalkan kaedah 'sudut pandangan' ini dalam sesebuah cerpen menjadikan semacam hambatan untuk kita meneruskan cerpen itu, maka saya fikir barangkali kita telah menggunakan kaedah 'sudut pandangan' yang betul atau sebaliknya. Mungkin dengan menukar-nukarkan kaedah 'sudut pandangan': umpamanya dari kaedah 'orang pertama' kepada kaedah 'orang ketiga', atau dari kaedah gambaran (scenic) kepada kaedah 'central intelligence' akan membuka kunci-kunci lain dari segi penceritaan sesebuah cerpen. Tetapi andai kata kita merasakan dengan menukar-nukarkan 'sudut pandangan' dalam cerpen kita itu pada keseluruhannya bukan merupakan solusinya, maka saya fikir lebih baiklah sahaja kita 'melanggar' sudut pandangan yang sedang kita gunakan dalam penulisan cerpen kita itu. Atau pun kita beralih sahaja kepada sesuatu kaedah 'sudut pandangan' yang kita fikirkan lebih sesuai.

Sekali lagi dalam kaedah 'sudut pandangan' ini tiada peraturan tetap (hard and fast rules). Saya fikir pengarang yang baru mulai terjun dalam penulisan cerpen boleh sahaja mencampur-adukkan kaedah sudut pandangan ini mengikut kemahuannya. Tetapi, sebagai penulis cerpen, dia harus maklum tentang apa yang dilakukannya dan mengapa. Dia seharusnya menyedari bahwa antara satu kaedah sudut pandangan dengan satu kaedah sudut pandangan yang lain memiliki keterbatasan dan kelebihan-nya masing-masing.

Sebab katakanlah seorang penulis itu merasa mendapat kemudahan dengan 'melanggar' satu kaedah 'sudut pandangan' yang sudah mulai dipegangnya sejak memulakan cerpennya itu, lalu mengalih-kan kaedah 'sudut pandangan'-nya itu kepada yang lain dengan alasan cerpennya itu akan lebih dapat menjadikan situasinya lebih jelas dan terang. Atau katakanlah penulisnya mengalihkan 'sudut pandangan' dari seorang watak kepada seorang watak yang lain dalam cerpennya itu dengan sebab dan alasan yang menasabah, maka ini bererti pembaca juga turut mendapat manfaatnya. Begitu jugalah sebaliknya.



Bahan rujukan

- 1 *The Modern Short Stories*, H.E. Bates (1945)
- 2 *Sudut Pandangan Dalam Cereka*, Anwar Ridhwan, DBP Kuala Lumpur (1985)
- 3 *Critical Approach to Literature*, David Daiches (1971)
- 4 *Analisa*, H.B. Jassin, OUP Kuala Lumpur (1965)
- 5 *The Story and Its Writer*, Ann Charters (1987) ■

BERTEDUH DI PINGGIR KA'ABAH

Oleh: Johar Buang



Johar Buang merupakan penyair angkatan baru yang mampu dilahirkan oleh bumi Singapura bukan saja menulis puisi tetapi sebagai penulis cerpen yang berbakat.

Dalam masa sekitar dua puluh tahun sasterawan Johar ini telah meletakkan karya-karya sasteranya setara dengan sasterawan di kalangan Nusantara.

Sejaub ini beliau memenangi Golden Point Award (1999), Hadiah Sastera Darul Aman Terengganu (1995), Anugerah Sastera Singapura (1993), Hadiah Puisi Islam Negara Brunei Darussalam (1997) dan lain-lain.

Karya-karyanya yang pernah diterbitkan. *Kisah Seorang Zahid dan Dinding-dinding Kaca* yang kedua-dua diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (KL). *Sementara antologi puisi Tujub* puluh ribu Hijab diterbitkan pada tahun 2000.

BAS meluncur laju terinjut-injut merentasi jalan beraspal di tengah-tengah padang pasir, lereng-lereng bukit dan gunung-ganang. Suhu hawa dingin dalam bas semakin kurang dinginnya. Dia melemparkan pandangannya jauh dari sudut jendela. Cahaya di luar berkilau-kilauan dek panas terik matahari musim Ramadan. Debu-debu jalan mengaburkan pandangan. Betapa sayu matanya meninjau sebesar-besar gunung-ganang yang dekat dan jauh, berwarna keabu-abuan dan kemerah-merahan menandakan kebesaran Allah.

Suara-suara talbiah sudah kendur kendengaran. Tidak serancak sewaktu baru berlepas tadi dari Bir Ali. Kelihatan ada jemaah yang tersenguk-senguk dan ada pula yang sudah terlelap mata. Keletihan. Para jemaah sedang berpuasa seraya mengerjakan ibadat umrah.

Terdengar olehnya satu dengkur halus. Dia menoleh di sebelah bahu kirinya. Isterinya sedang tersandar nyenyak. Mujurlah isterinya tidur. Lega dan sunyi sedikit. Ah, biarlah isterinya terus tertidur sampai di Tanah Mekah nanti. Tak sanggup dia mendengar bingitan 'walkie-talkie' isterinya. Sejak sebelum berangkat lagi, isterinya tak putus-putus mengomel itu dan ini.

"Hai, apa dah kena dengan abang ni? Tiba-tiba saja nak ajak Mah pergi umrah! Selalunya bila cuti hujung tahun tak macam ini. Ke Paris, Jerman, Australia, Jepun atau.. New Zealand. Aah bang! Mah tak nak ikutlah! Negeri Arab tu panaslah!"

"Kita pergi ni bukan nak melancung. Nak beribadah!" Dia memintas.

"Ibadah?" Isterinya mentertawakan. "Abang dah bertaubat ke? Selama ni abang tak pernah sembahyang, tak pernah puasa! Tau-tau saja nak ke Tanah Suci."

"Ya, memang saya belum bertaubat. Tetapi

kali ini saya benar-benar nak bertaubat. Saya nak tinggalkan kemewahan dunia ini. Saya nak cuci dosa saya!"

"Dah kenapa dengan abang ni sampai nak tinggalkan dunia? Habis macam mana dengan bisnes abang? Abang tu orang terhormat. Banyak kenalan menteri dan orang bisnes."

"Itu awak jangan risau. Berserah saja kepada Allah. Selama ini dah banyak masa dan pergorbanan saya dilaburkan untuk dunia. Saya lalai, banyak dosa. Tak peduli halal haram. Tak ingatkan Tuhan!"

Perubahan sikapnya sungguh-sungguh menghairankan isteri dan orang-orang terdekat yang mengenalinya. Tengku Wahid, pengarah ternama sebuah syarikat jual-beli kereta terpakai yang terbesar dan bermonopoli di seluruh Kota Singa ini. Terkenal juga sebagai dermawan, penaja kerja amal kebajikan, disegani oleh badan-badan persatuan sebagai tokoh budayawan, tetapi pada masa yang sama adalah kaki perempuan, kaki botol, kaki judi dan saban malam menghabiskan usrahnya di kelab-kelab disko klas atasan.

Apa yang menyebabkan dia tiba-tiba berubah, tak siapa yang tahu, malah isterinya juga. Namun apa yang dia sedari, sisa-sisa hidup yang tinggal padanya itu tidak akan lama, sedangkan dosa makin bertambah.

"Ampunkanlah dosaku ya Allah! Ampunkanlah aku, ya Allah! Sesungguhnya memang aku tidak layak untuk syurga-Mu! Tetapi aku tidak pula sanggup menahan seksa neraka-Mu. Maka itu ampunkan aku, ya Allah. Terimalah taubatku!" Dia berdoa pada hari pertama di Masjid Nabawi dan beriktikaf di dalam Raudah.

Air matanya mengalir tak henti-henti. Kesal di atas dosa-dosanya yang lalu. Dia sedar manusia keparat sepertinya tidak layak duduk di dalam kawasan Raudah. Dia

sepatutnya dicampakkan saja di lembah Gunung Uhud dan dibiarkan mati terseksa di tengah-tengah panas gurun pasir. Manusia munafik sepertinya tidak harus dibiarkan melangkah ke dalam Masjid Nabawi. Dialah anjing dan khinzir! Kesalnya tak sudah-sudah.

Ketika dia lewat di hadapan makam Nabi, kepalanya tertunduk malu, suara tangisnya terisak-isak seperti kanak-kanak kecil yatim piatu Bosnia Herzegovina.

"Maafkanlah hamba ya Rasulullah. Selama ini hamba lalai, hamba tak ikut ajaranmu. Hamba terlalu megah, sombong, bongkak bila disanjung dan dipuja orang. Betapa kotoranya hati hamba ini, ya Rasulullah. Lebih kotor dari daging khinzir. Hati hamba ini perlu disertai dengan taubat nasuha. Berilah hamba syafaat ya Rasulullah. Terimalah hamba sebagai umatmu. Umat yang akan dipilih meneguk Kauthar di Yaumil Masyar." Serunya di hadapan makam Nabi.

Apabila dia berhenti di hadapan makam Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq dan kemudiannya Saiyidina Umar Al-Khattab, betapa rendah rasa dirinya, seolah-olah dirinya seorang Yahudi yang tersesat. Seorang Yahudi yang cuba menutup pekungnya menyamar sebagai tokoh budayawan yang dihormati dan disanjung oleh berbagai lapisan masyarakat. Kalaulah saat itu dia berada di zaman pemerintahan Saiyidina Umar Al-Khattab, sudah tentulah lehernya dipenggal oleh pedang tajam Saiyidina Umar. Kalaulah dia berada di zaman pemerintahan Saiyidina Abu Bakar, tentulah dia termasuk golongan munafik yang diperangi oleh Saiyidina Abu Bakar.

"Aku sahut panggilan-Mu ya Allah, aku sahut panggilan-Mu! Tiada seketu bagi-Mu.." Dia bertalbiah.

Di luar jendela sudah mula nampak beberapa kawasan pembangunan. Menandakan hampir tiba di Kota Mekah. Bacaan talbiah yang dipimpin oleh Ustaz Dzafar mula rancak kembali. Para jemaah yang tadinya tidur keletihan, mula segar dan bersemangat.

Dia cemas. Entah mengapa degupan

jantungnya kencang tiba-tiba. Tubuhnya gemetar. Terlintas di fikirannya; bagaimanakah nanti bila sampai di Masjid Al-Haram dan berdepan dengan Ka'abah? Dia menarik nafas. Lantas cuba menghembuskan dengan tenang.

"Dah dekat nak sampai pun!" selamba seorang jemaah lelaki di belakang tempat duduknya.

Dia terpinga-pinga. Terjenguk-jenguk menerusi kaca jendela. Tersergam bangunan-bangunan yang rendah dan indah, berhempit-hempit di tepi jalan. Suasana begitu sibuk dengan ribuan manusia. Kenderaan-kenderaan memecut dengan pantas seraya kedengaran bunyi hon yang membingitkan di sana sini. Bas sekejap-kejap membelok ke kiri dan kanan, menyusuri haluan dan selekoh. Dia gelisah dan panik bila si pemandu bas terpusing-pusing memandu basnya.

Suara jemaah riuh-rendah, bercampur-aduk dengan bacaan talbiah. Masing-masing nampak ghairah. Tiba-tiba bola matanya terbeliak dan terpegun memandang menara besar Masjid Al-Haram. Seolah-olah dia sedang bermimpi.

Bas tiba-tiba berhenti di depan sebuah bangunan hotel lima bintang tidak jauh dari Masjid Al-Haram. Wajah jemaah nampak ceria. Ada yang meluahkan rasa syukur. Jemaah terpusu-pusu turun dari bas.

"Mah! Bangunlah!....Awak ni asyik ngorok saja...!"

Dia menepuk-nepuk bahu-kanan isterinya. Isterinya tersedar. Termangu-mangu. "Dah sampai ke bang?" Isterinya terkejut.

"Dahlah!... Cepat bangun! Nanti ketinggalan pulak dalam bas ni!" Dia menggesa isterinya.

Para pekerja hotel sibuk memunggahkan beg-beg jemaah daripada kontener bas. Ustaz Dzafar mengarahkan para jemaah supaya berkumpul di lobi hotel. Tinggal kira-kira sejam lagi menjelang waktu berbuka puasa. Mujurlah semua jemaah telah menunaikan jamak takdim solat zohor dan asar. Masih ada waktu untuk berehat di kamar hotel masing-masing,

setelah menerima kunci kamar yang akan dibahagi-bahagikan oleh Ustaz Dzafar.

"Sekarang kita ni nak buat apa bang?" tanya isterinya, cemas.

"Awak tak usahlah bimbang. Ikut saja apa arahan pegawai-pegawai Ustaz Dzafar tu. Tapi ingat jangan langgar pantang larang ihram ni. Ini umrah pertama kita. Umrah wajib. Kalau silap, awak kena dam!," katanya sambil melabuhkan punggung di atas katil dalam bilik hawa dingin yang begitu tenang dan selesa.

"Dam tu apa bendanya?" tanya isterinya. Sungguh-sungguh tak tahu. Kalau papan buah dam itu memanglah isterinya tahu. Dahi wajah isterinya nampak berkerut.

"Dam tu maknanya dendalah. Itulah...! Suruh ikut kursus dulu tak mahu. Asyik sibuk dengan mesyuarat persatuan!" Dia merungut.

"Mah takutlah bang! Mah tak faham. Nanti Mah ke lain, abang pulak entah ke mana."

"Hissyy! Jangan celupar! Ini Tanah Haram... Tanah Suci! Nanti masin pulak mulut awak tu!" sanggahnya cepat memberi amaran.

Memang jemaah sudah dingatkan oleh Ustaz Dzafar. Di Tanah Haram ini adalah tempat yang khusus dalam pengawasaan Allah. Tak boleh cakap sesuka hati atau buat perangai yang tak elok. Semua doa dan balasan cepat termakbul. Jemaah adalah tetamu Allah. Maka tetamu itu haruslah reda apa yang disukai oleh Allah dan jauhkan diri daripada apa yang dibenci Allah.

Waktu berbuka puasa hampir tiba sedikit lagi. Dia pun bergegas mengajak isterinya turun ke lobi. Tergesa-gesa dia berjalan. Kain ihram yang tersandang di bahu kirinya terlondeh-londeh dan melorot ke bawah. Sekejap-kejap dia membetulkannya. Terlalu kekok.

Ramai jemaah sudah pun berkumpul di lobi. Ustaz Dzafar memberikan taklimat ringkas berkenaan mengerjakan tawaf, sa'i dan tahalul. Isterinya tercengang-cengang. Entah faham entah tidak.

Selesai taklimat yang ringkas itu, jemaah pun bersama-sama keluar dari lobi hotel ke

Masjid Al-Haram dengan berjalan kaki. Jemaah telah dingatkan oleh Ustaz Dzafar supaya senantiasa berhimpun bersama-sama, terutama sekali bagi jemaah yang baru pertama kali menjejaki Tanah Suci ini. Bimbang pula jika ada nanti yang tersesat jalan bila dah terpisah dengan kumpulan-nya. Maklumlah musim Ramadan ini manusia terlalu ramai, seperti musim haji. Yang datang ke sini bukan hanya hendak mendapatkan ganjaran besar beribadat di bulan Ramadan, tetapi hendak juga merebut peluang lailatul qadar.

Apabila sampai di depan pintu besar Malik Abdul Aziz, Ustaz Dzafar cuba mengingatkan para jemaahnya supaya camkan betul-betul pintu besar itu.

"Apabila tuan puan masuk dari pintu besar ini, tuan puan juga harus keluar dari pintu besar ini supaya mudah tuan puan camkan arah bila hendak kembali ke hotel nanti," pesan Ustaz Dzafar.

Kepalanya terangguk-angguk mendengarkan pesanan Ustaz Dzafar itu. Termangu-mangu dia memandang pintu besar Malik Abdul Aziz itu yang dikawal rapi oleh beberapa anggota polis beruniform. Kemudian dia mengekori ke mana sahaja langkah jemaah. Sebaik saja sampai di dalam kawasan Masjid Al-Haram itu, dia terpegun melihatkan ribuan manusia. Tiba-tiba dia terpaku bila terpandang sosok bangunan Ka'abah di tengah-tengah lingkaran arus manusia sedang bertawaf.

Ustaz Dzafar mengarahkan jemaah lelaki-nya berhimpun di suatu tempat. Manakala jemaah wanita mengekori pegawai wanita untuk berhimpun di ruang solat kaum wanita. Isterinya gugup dan terkial-kial bila berpisah dengannya. Kalau boleh mereka berdua mahu sentiasa berkepit. Di Masjid Al-Haram ini tidak sama seperti Masjid Nabawi. Di sini orang ramai berasak-asak. Tolak-menolak. Dan ada ruangnya kelihatan bercampur jemaah lelaki dan perempuan. Kalau di Masjid Nabawi, keadaannya lebih teratur, tenang dan tidak berasak-asak. Dan arah jalannya mudah diingati dan tak mungkin tersilap

langkah. Bagi jemaah yang belum biasa dengan keadaan dan suasana Masjid Al-Haram ini, mungkin sedikit membingungkan.

Jemaah pun segera melakukan solat sunnat tahiyatal masjid. Azan maghrib akan berkumandang tidak lama lagi. Sementara itu jemaah telah dibahagi-bahagikan tamar dan air zam-zam sebagai juadah berbuka puasa.

Bila terpancang tamar dan air zam-zam itu, betapa pilu hatinya. Sudah sekian lama tidak disentuhnya buah tamar kerana lazim meninggalkan puasa di bulan Ramadan. Barulah pada tahun ini dia berpuasa. Dan bila terpancang air zam-zam itu, teringatlah dia kepada arwah neneknya yang sekembali dari Mekah menunaikan haji, membawakan air zam-zam kepadanya. Ketika itu dia masih berusia sepuluh tahun. Betapa bencinya dia kepada air zam-zam itu.

"Air apa ni nenek? Tak sedaplah! Pahit... payau!" cemuahnya. Sejak dari peristiwa itu dia tidak ingin merasakan air zam-zam itu lagi, walaupun sudah beberapa kali diberikan orang yang bawa balik dari Mekah.

Nah! Ini air zam-zam yang menyambut kedatangannya di Tanah Mekah Al-Mukarramah. Kalau dia tak sudi, lebih baik dia mampus kehausan. Fikirnya.

Kendengaran azan maghrib berkumandang sayup. Laungannya mengimbau-ingimbau di udara yang tak kelihatan sebutir awan. Betapa syahdu dia mendengar suara azan itu. Dengan jemari kanannya yang terketar-ketar memegang buah tamar, dia pun berbuka. Entah mengapa ketika itu di sudut kelopak matanya bergenang air jernih bila perasaannya disentuh kesyahduan azan. Setelah dikunyahnya sebiji tamar, diteguknya air zam-zam dengan sepuas-puasnya, bagaikan hausnya kafilah di padang pasir.

"Kalau minum air zam-zam, minumlah dengan sepuas-puasnya hingga terasa kenyang. Jangan minum sedikit-sedikit. Itu tandanya orang munafik, demikian menurut hadis Nabi," pesan Ustaz Dzafar.

Masa berbuka puasa agak singkat sebaik saja terdengar qamat sudah pun bermula untuk mendirikan solat maghrib. Jemaah

mula bangun mendirikan saf.

"Allaaahu akbar!..." Imam Asy-Syekh Abdur Rahman bin Abdul Aziz Al-Sidais mengangkat takbiratul ihram, mengimami solat maghrib.

Dia tenggelam di dalam kekusyukan. Jiwanja pasrah kepada Allah. Air jernih mengalir membasahi pipinya mendengarkan kesyahduan imam membaca Surah Al-Fateha dan kemudian diikuti dengan bacaan ayat Amanah Rasul dari Surah Al-Baqarah.

Selesai solat maghrib dan solat sunnat ba'diah, Ustaz Dzafar mengumpulkan semua jemaahnya agak jauh sedikit dari depan Ka'abah yang menghadap antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad. Ustaz Dzafar akan membawa jemaahnya mengerjakan tawaf dan mengulangi lagi sedikit penerangan jika ada jemaah yang masih tidak faham.

Orang ramai begitu sesak sekali. Jemaah Ustaz Dzafar terus maju meredah arus lautan manusia. Di dalam suasana dan keadaan yang berasak-asak itu, ada ketikanya sampai berlanggar sesama manusia lain. Setiba berhampiran dengan Ka'abah, di antara Rukun Yamani dan penjuru Hajar Aswad, jemaah Ustaz Dzafar pun memulakan niat tawaf. Kemudian barisan mereka berpusing ke kanan, di sebelah kiri mereka ia Ka'abah, lalu berjalan ke hadapan mengikut lingkaran untuk melaksanakan tujuh pusingan. Apabila sampai di garisan Hajar Aswad, terlalu ramai orang di situ berasak-asak kerana ada yang cuba merebut-rebut hendak mengucup Hajar Aswad. Jemaah Ustaz Dzafar sekadar mengangkat telapak tangan mereka ke arah Hajar Aswad seraya membaca, "Bismillahi Wallahu Akbar Walillahilham!" kemudian mengucupnya.

Sepanjang dia bertawaf, isterinya sentiasa mengekori di sisinya. Tangan isterinya memaut kuat kain ihramnya. Takut terpisah dan tertinggal. Jemaah Ustaz Dzafar kelihatan kucar-kacir bila dirempuh oleh ribuan manusia lainnya. Sehingga ada yang ketinggalan tidak dapat terus bersama-sama. Namun begitu, Ustaz Dzafar telah lebih awal-awal lagi mengingatkan: "Kalau ada sesiapa yang ikut anda bertawaf lalu ketinggalan, jangan berpatah balik

mencarinya, kerana itu akan membatalkan niat tawaf. Serahkan saja kepada Allah dan teruskan tawaf hingga selesai."

Selesai tujuh pusingan tawaf, dia terus menuju ke Makam Ibrahim. Dan sepuas saja menyaksikan Makam Ibrahim yang tersimpan bekas telapak kaki Nabi Ibrahim ketika membina Ka'abah pada zaman dahulukala, dia beredar ke belakang makam itu untuk mengerjakan dua rakaat solat sunnat. Dia sedar yang isterinya sentiasa berada di sisinya.

Dia terus mengangkat tangan dan berdoa sebaik saja mengakhiri solat dua rakaat itu. Sungguh panjang doa yang dipanjatkannya bersama linangan airmata. Selepas dia menakap kedua telapak tangannya ke muka, dia pun menoleh ke kanan ke kiri. Dia tak nampak isterinya langsung. Dia hairan. Dahinya berkerut. Ke mana pulak isterinya pergi? Sepatut isterinya itu berada di sisinya. Dan dia masih ingat yang isterinya bersama-sama dengannya tadi mendirikan solat sunnat di belakang Makam Ibrahim itu. Pintas dia bangun lalu berdiri. Meninjau ke sana sini. Isterinya benar-benar tak ada di sisinya. Hatinya mulai cemas. Dia menarik nafas dan mengeluh. Merungut-rungut di dalam hatinya.

Dia masih tidak berganjak dari situ. Dipandangnya setiap bentuk wanita yang semirip-mirip isterinya. Ternyata bukan isterinya. Dia gelisah. Bimbang. Bermacam teka-teki bermain di dalam fikirannya. Tak mungkin isterinya sengaja meninggalkan-nya. Sebab dia tahu isterinya itu seorang penakut. Isterinya tidak begitu faham. Isterinya pun tak tahu apa nak dibuat selepas tawaf. Fikirnya.

Tiba-tiba bahu kanannya ditepuk orang. Dia menoleh. "Ustaz Dzafar!..."

"Mengapa Tengku? Nampak gelisah saja..."

"Isteri saya.. ustaz! Isteri saya hilang! Tak tahu mana dia pergi!"

"Hai, tadi saya nampak dia bersama Tengku."

"Itulah yang saya hairan. Macam mana pulak dia hilang. Ini betul-betul cari penyakit!"

"Bersabarlah Tengku. Perkara macam ni

memang biasa berlaku. Tengku tak usah bimbang. Nanti saya suruh pegawai menyusur mencarinya. Tengku mohonlah kepada Allah. Isya-Allah, jumpalah nanti!" nasihat Ustaz Dzafar.

Kemudian Ustaz Dzafar menyarankan supaya dia meneruskan saja ibadat umrahnya agar tidak banyak membuang masa. Dia akur lalu menuju ke Safa untuk mengerjakan sa'i.

Sepanjang jalan berulang-alik dari Safa ke Marwah, masih tidak dilihatnya kelibat bayang isterinya. Tiba-tiba dia rasa kesal bila teringatkan celupar mulut isterinya siang tadi. ".....Nanti Mah ke lain, abang pulak entah ke mana!" Boleh jadi juga masin mulut isterinya. Di Tanah Haram ini tak boleh cakap terlepas. Inilah akibatnya! Sungut hatinya tak sudah-sudah.

Seketika hampir menamatkan perjalanan ulang-alik Safa dan Marwah, kedengaran azan Isyak pun berkumandang. Di bukit Marwah itu dia menghampiri tempat sekelompok jemaah lelaki sedang bergunting.

"Tengku hendak tahalul?" sapa seorang pegawai lelaki.

"Ya, saya dah habis sa'i" katanya.

"Tengku nak bercukur ke nak bergunting? Kalau nak bercukur, mari saya tunjukkan kedainya. Tapi kalau nak bergunting, di sini pun boleh," kata pegawai yang peramah itu.

"Saya bergunting sajalah...! Errr... ada jumpa isteri saya?"

"Ohh.. isteri Tengku! Tadi Ustaz Dzafar memang ada suruh kita cari. Dah rata-rata tempat kami cari, tapi tak jumpa-jumpa. Hairan pulak!"

Dia mengeluh.

"Tengku janganlah khuatir. Kami akan terus berusaha mencarinya. Mudah-mudahan isteri Tengku ada memakai lengana. Dengan lengana itu mudah dia dibantu orang."

Dia mengangguk-angguk. Betul kata pegawai itu. Mudah-mudahan isterinya ada memakai lengana sebagaimana yang sentiasa dipesankan oleh Ustaz Dzafar. Pada lengana itu tertera butir-butir yang lengkap dan amat

penting bila di dalam kecemasan.

"Tolonglah encik. Tolong carikan isteri saya tu. Dia tu bukannya faham sangat," rayunya kepada pegawai itu.

"Insyallah!" kata pegawai itu seraya menepuk-nepuk bahu kanan jemaahnya yang dilanda resah itu.

Kemudian, dia pun menyerahkan gunting kecil daripada saku tali pinggangnya kepada pegawai itu. Beberapa helai rambutnya lantas dipotong.

Kini sempurnalah sudah umrahnya yang pertama. Oleh kerana solat Isyak belum bermula, dia pun cepat-cepat keluar dari kawasan Safa dan Marwah. Dia cuba menuju semula ke Makam Ibrahim. Manalah tahu di sana dia dapat bertemu kembali dengan isterinya. Namun di kawasan Makam Ibrahim itu tidak kelihatan juga isterinya. Kawasan itu dipenuhi ratusan manusia dan tidak ada ruang kosong untuknya. Dia berpatah balik, menyusur lorong-lorong sempit yang sesak. Akhirnya dia mendapat tempat berhampiran dengan Babul Umrah.



Kedengaran qamat pun bermula untuk mendirikan solat Isyak. Jemaah bangun membentuk saf. Solat Isyak diimami lagi oleh Asy-Syekh Abdur-Rahman Bin Abdul Aziz As-Sidais.

Selesai saja solat Isyak, tiba-tiba diumumkan solat jenazah. Berikutnya barulah solat sunnat ba'diah dapat dikerjakan oleh jemaah dan kemudian memulakan solat terawih.

Selepas terawih dan witr, tergesa-gesa dia pulang ke hotel. Dia berfikir. Mungkin isterinya pulang lebih dulu. Sesampainya dia di lobi, dia terus menuju ke dewan makan. Makan malam sudah siap disajikan oleh pelayan-pelayan tukang masak. Para jemaah sudah mula memenuhi dewan makan itu. Tetapi isterinya tidak kelihatan. Kehilangan isterinya menjadi topik perbualan hangat di kalangan jemaah.

Lantas dia pergi semula ke lobi untuk meminta kunci daripada pegawai di kaunter. Sesudah mendapat kunci, dia terus ke kamar. Sebaik saja dia memasuki kamarnya, dia memetik suis lampu. Terang. Matanya menyelurui ruang kamar yang sunyi. Tiba-tiba dia terkejut bila ternampak lencana isterinya di atas katil.

"Ya Allah!... Macam mana boleh tertinggal lencana ni...?" keluhnya.

Dia mencapai lencana isterinya itu lalu terduduk di atas katil. Dia menarik nafas panjang. Wajahnya nampak cemas. Dia terlalu bimbang isterinya. Apa sebenarnya terjadi pada isterinya? Di manakah isterinya sekarang? Apakah isterinya diculik orang? Apakah isterinya....? Ah, tak mungkin! Cepat fikirannya memintas.

Saat itu seakan-akan dia terdengar suara tangis isterinya merayu-rayu minta pertolongan. Seakan-akan namanya diseru berkali-kali. "Ya, Allah! Selamatkanlah isteriku....," doanya.

Dengan pantas dia pun menyalin pakaian ihramnya untuk ke kamar mandi. Selesai mandi dan mengenakan baju kurung Melayu, dia melangkah turun ke lobi.

Dia menuding jam tangan. Waktu sudah dekat tengah malam. Dia gelisah. Tidak tenang hati perutnya selagi belum berjumpa dengan

isterinya. Disinggahnya lagi dewan makan. Tenjenguk-jenguk kalau isterinya ada di situ. Ternyata tidak ada. Ramai jemaah masih duduk di dewan makan menjamu selera.

Dia ke lobi dan menyerahkan kunci kamarnya kepada pegawai di kaunter. Di dalam keheningan malam itu dia berpatah semula ke arah Masjid Al-Haram untuk mencari isterinya yang hilang.....

Semalaman itu dia mencari isterinya tetapi tidak juga berjumpa. Pegawai-pegawai yang turut membantu juga gagal mengesan di manakah isterinya. Dekat waktu sahur, dia pulang ke hotel. Di dewan makan, kehilangan isterinya masih juga jadi perbualan hangat di kalangan jemaah.

Tekaknya tidak begitu selera untuk bersahur tanpa isteri di sisinya. Dia kembali ke masjid. Selepas solat subuh dia pulang ke hotel. Di kamar dia terus rebahkan tubuhnya yang terlalu keletihan ke atas katil.

Dalam dia terlelap beberapa saat, tiba-tiba pintu kamarnya diketuk dari luar. Dia tersentak. Pintas dia bergegas dari katilnya.

"Siapa tu?" teriaknya dengan nada suara yang tinggi.

"Mah...ni! Mah.. yang ketuk ni!"

Ah, isteriku? Sekali lagi dia tersentak. Macam tak dipercayanya bahawa suara itu adalah suara isterinya. Lekas-lekas dia membuka pintu.

"Mah...?"

Isterinya berdiri terpacak di luar pintu. Termangu dia memandang isterinya. "Mana awak pergi?" Bola matanya terbeliak besar menatap wajah isterinya. Berdegap-degup jantungnya.

"Kasilah Mak masuk dulu. Nanti Mah ceritakan....," ujar isterinya.

Isterinya terus meluru ke dalam. Bola matanya sentiasa mengekori ke mana gerak isterinya. Isterinya terus melabuhkan punggung di atas katil. "Tutuplah pintu tu.. bang!"

Pantas dia menutup pintu.

"Hai, tak senang hati perut saya mengenangkan awak. Ke mana awak menghilang ni? Dan.. tahu-tahu saja timbul!" Dia merungut.

Isterinya menarik nafas. Lalu menghembuskan nafas dengan tenang. Wajah isterinya tiba-tiba tersenyum. Lantas kemudian menggeleng-gelengkan kepala.

"Cubalah abang bertenang sikit. Abang janganlah marah sangat. Ini cuma satu kesilapan kecil sahaja."

"Kesilapan kecil kata awak? Setengah mati saya cari awak semalam-malam. Saya tak tidur sampai siang ni."

"Alah..bang! Biarlah Mah ceritakan dulu. Semalam tu..., sewaktu Mah hendak sembahyang di sebelah abang di Makam Ibrahim, tiba-tiba ada seorang lelaki Arab halau Mah. Dia suruh Mah sembahyang jauh sikit dari tempat orang lelaki. Bila Mah pandang lelaki tu, Mah takut. Mah ikut sajalah. Bila habis sembahyang, Mah bingung. Mah tak ingat, mana abang tadi. Mah mencari-cari abang. Tapi.. tak nampak langsung," terang isterinya.

"Eh, kan saya ada di belakang Makam Ibrahim! Macam mana pulak awak tak ingat?"

"Entahlah. Manalah Mah cam sangat tempat ni! Kitakan baru datang."

"Habis tu... ke mana pulak awak pergi? Kenapa tak terus saja pulang ke hotel?"

"Mah tak ingat mana satu jalan."

"Awak tak nampakkah siapa-siapa jemaah kita?"

"Manalah Mah perasanl. Orang ramai sangat."

"Kenapa awak tak tanya orang?"

"Entahlah. Mah sendiri pun tak tahu. Mulut Mah ni macam terkunci."

"Habis tu... awak buat apa?"

"Mah duduk di tepi tangga!"

"Eh, tangga yang mana satu pulak?"

"Di Bilal Gate! Sewaktu Mah sedang duduk di situ, tiba-tiba ada seorang wanita menghampiri Mah. Pakaianya serba hitam. Sangka Mah dia wanita Arab. Rupanya Melayu."

Dia terdiam sejenak.

"Perempuan itu macam tahu Mah ni dalam kehilangan. Dia tanya baik-baik pada Mah. Jemaah siapa yang Mah ikut. Anehnya ketika itu fikiran Mah buntu. Mah tak ingat langsung. Mah katakan tak tahu. Bila dia tanya nama hotel pun, Mah tak tahu. Yang hanya dapat Mah terangkan, Mah ni

jemaah dari Singapura."

"Hai pelik betul dengan awak ni. Sampaikan jemaah sendiri pun awak tak tahu. Kan jemaah kita ni dipimpin oleh Ustaz Dzafar! Dah tu.. apa pulak kisah seterusnya?"

"Oleh kerana dah masuk waktu Isyak, Mah diajaknya solat di kawasan yang berhampiran Bilal Gate itu. Sehingga selesai solat terawih dan witr. Kemudian diajaknya Mah ke Safa dan Marwah. Mahpun mengerjakan sa'i dan sesudah itu dibantunya Mah ketika hendak bertahalul."

"Dan lepas tu... ke mana pula perempuan itu ajak awak?"

"Dia mengajak Mah ke tempat tinggalnya. Ditumpangkan Mah semalaman. Kalau esok Mah masih tak jumpa dengan abang atau jemaah kita, dia akan bantu Mah laporkan kepada pihak berkuasa. Baik sungguh budi pekerti perempuan itu, bang!"

Dia menghela nafas panjang. Beristighfar. Dia bersyukur isterinya selamat. Tak disangka-sangkanya begitu rupanya pengalaman yang ditempuh di Tanah Suci. Namun dia sedar semua itu adalah dugaan daripada Allah Yang Maha Kuasa.

"Mujurlah lepas solat subuh tadi, ada pegawai kita yang ternampak Mah bersama perempuan itu di dalam masjid."

"Abang tahu, semalam tu dan pagi ini, dah dua kali Mah dapat cium Hajar Aswad. Perempuan itulah yang bantu Mah," kata isterinya dengan wajah yang girang.

"Haah? Begitu ramai orang berasak-asak, awak dapat cium Hajar Aswad?"

"Ya, bang. Mah betul-betul bersyukur," jawab isterinya, terharu. Kini baru dilihat isterinya tak lagi mencebik dan merungut. Wajah isterinya tenang, bercakap lemah-lembut. Itulah yang diharap-harapkannya daripada isterinya.

"Eh.., siapa nama perempuan tu? Tua ke muda?"

"Kalau tak silap Mah.., usianya duapuluh tujuh tahun. Namanya...Atiqa!"

"Atiqa?" Jantungnya tersentak. Nama itu tiba-tiba mengingatkan dia pada seseorang.

"Eh, kalau abang nak tahu. Dia pun orang Singapura!"

"Singapura...???" tersentak lagi jantungnya. Berderau darahnya. Berubah pucat seluruh airmukanya. Dia termengah-mengah menarik nafas. Seperti terkena kejutan letrik.

"Katanya semalam pada Mah, dah hampir tiga tahun dia bermukim di Tanah Suci ini. Dia ikut berdagang bersama bapa saudaranya dari Banjarmasin. Tujuannya hendak mendalami pelajaran agama."

Dia terus tak bertanya lagi. Ada sesuatu yang mengganggu fikiranannya saat itu.

"Kenapa bang? Abang kenal perempuan tu?" tanya isterinya, bila memandang wajahnya begitu rimas sekali.

"Eh, awak ni! Manalah saya kenal. Belum pernah jumpa pun!" Dia membentak, menafikan kecurigaan isterinya.

Sepanjang hari itu jemaah diberi acara bebas. Dia tidak ke mana-mana bersama isterinya, selain banyak menumpukan masa beribadah di dalam Masjid Al-Haram. Petang itu selepas saja solat asar, dia pun menunggu isterinya di luar masjid dekat Babul Malik Abdul Aziz. Mereka suami isteri bercadang hendak membeli-belah di pasaraya Ben Dawood. Kemudian terus ke hotel.

Ketika dia sedang menunggu-nunggu isterinya itu, tiba-tiba dia terpandang isterinya keluar dari pintu besar itu bersama seorang perempuan berpakaian serba hitam. Mereka begitu mesra bercakap-cakap. Dia cuba mengamati wajah perempuan di sisi isterinya itu. Dahinya berkerut seketika. Berderau darahnya. Jantungnya berdebar-debar. Seolah-olah dia pernah lihat perempuan berpakaian serba hitam itu.

Dan apabila jarak semakin dekat, perempuan berpakaian serba hitam itu seolah-olah terkejut memandangnya. Perempuan berpakaian serba hitam itu berbisik sesuatu kepada isterinya dan kemudian berpecah jalan dengan langkah yang begitu pantas sekali. Dia terpinga-pinga memandang dari jauh.

"Bang... tadi abang nampak perempuan di sebelah saya tu?" sergah isterinya.

"Ya.., ya! Saya nampak! Tapi kenapa.. dia..?"

"Mak ingat nak ajak kenalkan dia dengan

abang. Tapi agaknya dia malu. Dialah.. Atiqa.. yang Mah ceritakan kepada abang!"

"Atiqa?" Dia tersentak.

Malam itu selepas terawih dan witr, isterinya mengadu tak sihat.

"Awak demam. Biar saya adukan kepada pegawai."

"Tak apalah, bang. Mah cuma demam sikit. Lagipun Mah ada bawa ubat," jawab isteri.

Selepas bersahur, isterinya tidak dapat mengikutinya ke masjid. Demam isterinya masih belum pulih. Dia menyuruh isterinya berehat saja dan solat di kamar hotel.

"Tak mengapalah. Kalau waktu ini Mah tak dapat solat di dalam Masjid Al-Haram, mudah-mudahan di lain waktu diizinkan Allah. Abang tahu, Mah begitu mengharapkan ganjaran besar bersolat di dalam Masjid Al-Haram. Dua rakaat solat dibalas Allah dengan pahala seratus ribu rakaat. Ditambah lagi dengan pahala berjemaah."

Bersabarlah Mah," nasihatnya kepada isterinya dengan lemah-lembut.

Pagi itu, selepas solat subuh dan tawaf sunnat, ketika dia sedang mencari-cari kasutnya berhampiran Ajyad Gate, dia terpaku memandang seorang wanita berpakaian serba hitam melintas tidak jauh di depannya. Fikirannya asyik terbayang-bayangkan imbasan wajah wanita tadi. Setelah mendapatkan kasutnya, dengan pantas dia cuba mengekori wanita berpakaian serba hitam itu.

Wanita berpakaian serba hitam itu menyusur keluar melalui Ajyad Gate. Dia berhati-hati supaya wanita yang sedang diekorinya itu tidak lenyap daripada pandangannya. Dia terus mengekori. Dia bertekad tidak mahu melepaskan peluang. Ke mana sahaja wanita itu pergi, dia tetap akan mengekori sampai bertentang mata.

Wanita berpakaian serba hitam itu tiba-tiba terperasan bahawa dirinya sedang diekori seseorang. Wanita itu cuba berjalan dengan lebih pantas. Wanita itu menyusur ke arah kiri yang bersebelahan kanannya ialah kawasan istana raja dan kemudiannya Jabal Abi Qubais. Wanita itu terus

merentasi sebuah kawasan tapak pembinaan dimana terdapat ramai pekerja-pekerja buruh kasar, yang menghala ke arah bangunan Maktabah Makkah Al-Mukarramah di Suq Al-Lail. Sesudah melepasi bangunan Maktabah itu yang dulunya merupakan bekas rumah paman Nabi saw Abdul Muttalib, dan juga tempat sejarah lahirnya Nabi saw yang dikandungkan oleh ibunya Siti Aminah, wanita itu menyeberang sebatang jalan raya dan kemudian menyusur kakilima bangunan yang terdapat banyak deretan kedai-kedai. Tiba di suatu simpang, di penghujung lorong kecil, wanita berpakaian serba hitam itu berhenti sejenak. Di situ terdapat ramai fakir miskin yang tidur di tepi jalan sambil meminta sedekah.

Dia termengah-mengah sejak mengekori wanita berpakaian serba hitam itu. Bila melihatkan wanita itu berhenti di suatu simpang, dia bersyukur. Seolah-olah wanita itu sedang menungguinya. Kalau mengekori lebih jauh lagi, mungkin dia tidak terdaya. Dia kini bukanlah semuda wanita itu. Jauh lebih tua. Usianya sudah empatpuluh tujuh tahun.

Dia tidak tahu di mana dia berada sekarang ini. Dia terpinga-pinga. Macam mana hendak pulang ke hotel nanti? Fikirnya. Takut tersesat jalan.

"Jangan hampiri saya! Tak manis dipandang orang nanti," tiba-tiba wanita berpakaian serba hitam itu memberi amaran. Suaranya halus kedengaran. Wajahnya merunduk ke bawah dan berpaling dari direnung oleh lelaki yang mengekorinya itu.

Langkahnya terhenti. Suara halus wanita berpakaian serba hitam itu menimbulkan prasangka di hatinya.

"Atiqa...? Apakah benar.. ini Atiqa yang...."

"Ya! Memang benar sangkaan Tengku!"

Dia menghembuskan keluhan nafas. "Masya-Allah...!" Dia menepuk dahi luasnya. Apa yang di depan matanya kini seperti sebuah mimpi di layar perak.

"Tak sangka I dapat bertemu dengan you di Tanah Suci ini. Dah hampir tiga tahun kita tak berjumpa. Selama ini ke mana you

pergi, I tak tahu. Tergamak you tinggalkan I, Atiqa!"

"Maafkanlah saya Tengku," ujar wanita berpakaian serba hitam itu. Nada suaranya terketar seperti menahan serak tangisan.

"You apa khabar, Atiqa? Apa you buat di sini?"

Wanita berpakaian serba hitam itu tidak segera menjawab.

"Atiqa, sampai saat ini..., I masih tidak mengerti mengapa you tinggalkan I. Sekali pun you dah berubah hati, you tak patut buat I macam ni. Jiwa I merana. Macam nak gila I terkenangkan you!"

"Saya harap Tengku lupakanlah saja kisah lama di antara kita. Saya bersyukur dapat bertemu Tengku dan isteri Tengku di sini. Memang begitulah doa yang sentiasa saya panjatkan kepada Tuhan. Saya benar-benar berharap Tengku mendapat hidayah-Nya dan kembali ke jalan yang benar. Jalan yang diredai Allah," suara halus wanita itu tersekat-sekat menahan sebak di dadanya.

"Atiqa, you adalah wanita yang istimewa. Youlah satu-satunya wanita yang banyak memberi kesedaran agama kepada hidup I. Isteri I sendiri pun tak pernah menasihati I" Wanita berpakaian serba hitam itu tunduk menangis.

"Atiqa, perasaan I terhadap you sama seperti dulu. Hati I masih menaruh harapan. Dapatkah I membina istana bahagia bersama you, sebagaimana yang pernah kita janjikan dahulu? Sekarang I dah ke Tanah Suci ini dan bertaubat. I sangat-sangat memerlukan bimbingan dari you. I mahukan isteri yang soleha. You sahajalah yang layak menjadi isteri I, yang soleha."

"Maafkanlah saya Tengku. Saya tak dapat memenuhi harapan Tengku itu," kata wanita berpakaian serba hitam itu. Tangisannya terus mengalir.

"Mengapa tidak, Atiqa?"

Wanita berpakaian hitam itu menggeleng-gelengkan kepala.

"Cukuplah tu Tengku! Manusia ini cuma merancang, tapi Tuhanlah yang menentukan," pintas suara wanita berpakaian serba hitam itu. Tiba-tiba tangisannya terdengar lebih kuat. Seraya menakap wajahnya dengan

penghujung kain jilbab, wanita berpakaian serba hitam itu segera meninggalkan tempat itu dengan langkah yang tergesa-gesa.

Dia termangu-mangu apabila wanita berpakaian serba hitam itu meninggalkannya.

"Atiqa.....!" teriaknya. Tetapi teriakannya tidak dipedulikan. Dan wanita itu tetap pergi meninggalkan dia berdiri kaku keseorangan.

Ramadan kini tinggal beberapa hari lagi. Detik-detik terakhir akan meninggalkan Tanah Suci Mekah mulai mencengkam sedih setiap hati jemaah. Betapa masa begitu cepat berlalu.

Dia bersyukur. Dengan masa kunjungan yang sangat terhad, dia bersama isterinya sempat menjalankan umrah beberapa kali sambil menziarahi tempat-tempat sejarah di Tanah Suci.

Malam itu, berlalulah sudah Ramadan. Bergemalah takbir memecah suasana. Masjid Al-Haram penuh sesak oleh jutaan manusia. Selepas solat isyak, dia dan isterinya pulang ke hotel. Malam Syawal itu adalah juga malam terakhir bagi jemaah umrah di Tanah Suci. Esok selepas zohor, jemaah akan berangkat ke lapangan terbang Jedah. Dan seterusnya pulang ke tanah air dimana keluarga, sanak-saudara dan sahabat handai sedang rindu menunggu.

Di dewan makan telah disajikan jamuan istimewa meraikan Aidil Fitri. Dan setelah menikmati jamuan, dia mengajak isterinya mengemaskan barang-barang yang masih berselerak di kamar supaya esok tidak kelim-kabut.

"Abang naiklah dulu. Mah nak pergi temankan Mami Jenab ke kedai depan tu. Mami Jenab lupa nak belikan oleh-oleh buat cucunya. Nanti kejap Mah balik," kata isterinya seraya menudingkan matanya ke arah Mami Jenab yang sudah tua dan tidak kuat berjalan. Datangnya Mami Jenab ke Tanah Suci ini tidak ditemani keluarganya selain menumpang kasih dengan jemaah.

"Baiklah. Hati-hati jalan tu..," dia berpesan kepada isterinya.

Sebaik saja isterinya pergi bersama Mami

Jenab yang berjalan terkedek-kedek, tiba-tiba salah seorang pelayan tukang masak menghampiri tempat duduknya.

"Maaf ya, pak. Ada orang berhajat ingin ketemu bapak," kata pelayan warga Indosenia itu.

"Siapa?"

"Ada di sana, pak!" jawab pelayan itu seraya jari kanannya menuding seorang lelaki tua berkopiiah putih dan berjubah putih sedang duduk di ruang sudut tukang masak.

Dia termangu-mangu melihat lelaki yang tak pernah dikenalnya itu.

"Boleh saya panggilkan dia ke mari?" tanya pelayan itu.

"Ya, ya!.. Sila... silakan!" dia menjawab tergagap-gagap.

Pelayan itu segera pergi memanggil lelaki tua yang berhajat itu. Kemudian pelayan itu datang semula bersama lelaki tua itu.

"Ini Pak Haris," pelayan itu mengenalkan.

"Pak Haris, ini kenalkan... Pak Tengku Wahid!"

Dia segera bangun dari duduknya dan bersalam dengan lelaki tua itu.

"Silakanlah Pak Haris. Silakanlah bicara sama Pak Tengku.." ujar pelayan itu kemudian mengundurkan diri.

"Duduklah Pak Haris," pelawanya seraya tersenyum-senyum.

"Terimakasih. Begini saja, Pak. Bapak ini sudah tentu sahabatnya Atiqa. Saya ini pamannya Atiqa," lelaki tua itu memulakan bicara.

Dia terkejut apabila mendengarkan nama gadis itu. Tajam bola matanya merenung wajah lelaki tua itu. Mulutnya tidak berkata apa-apa.

"Maafilah jika kedatangan saya ini mengganggu kententeraman bapak. Sebenarnya ada suatu perkara yang ingin saya sampaikan tentang Atiqa."

"Mengapa dengan Atiqa?"

"Harap bapak dapat bertenang. Atiqa sekarang ini sedang dirawat di Hospital Ajyad. Dia sedang tenat."

"Apa?" Berkerut dahi dan keningnya. Jantungnya benar-benar tersentak. Pandangannya pudar.

"Ya, pak. Kemanakan saya itu sebenarnya

telah lama mengidap penyakit ginjal. Doktor telah katakan dia tidak bisa hidup lama. Sewaktu dia menerima berita yang memeranjatkan ini, dia rido saja kepada Allah. Kapan pun dia sanggup kalau Allah sudah mahu mengambilnya. Cuma satu saja munajatnya. Dia ingin sekali mati di Tanah Suci. Sayalah yang bertanggungjawab membawa kemanakan saya itu ke sini dan sambil dia menyambung pelajaran agama."

Dia menarik nafas. Cuba dihembuskannya dengan tenang. Tapi fikirannya masih bingung. Pandangannya penuh kabur. Dadanya sudah mulai sebak.

"Mengapa Atiqa tidak memberitahu saya yang dia mengidap sakit ginjal?" Dia membentak. Kesal.

Lelaki tua itu diam saja.

"Pak Haris, saya mahu berjumpa dengan Atiqa. Tolong bawa saya sekarang juga. Sebelum apa-apa terjadi dan sebelum saya pulang, saya mahu temu dia!" pintanya.

"Sabar dulu, pak! Ngak usah terburu-buru. Di sini peraturannya lain. Oleh kerna bapak bukan mahramnya, saya fikir bapak ngak bisa bertemu Atiqa. Gini saja, Pak. Saya ada bawa pesan dari Atiqa. Dia minta bapak maafkan dan ikhlaskanlah dia....." "Pak Haris.....," terketar-ketar bibirnya. Air jernih sudah bergenang di kelopak matanya. Matanya memandang tepat ke wajah lelaki tua itu, seolah-olah memohon suatu pengharapan terakhir. Tetapi lidahnya terhenti di situ.

"Maaf pak. Saya terpaksa permisi dulu. Ada perkara penting lagi mesti saya uruskan. Kalau ada berita, saya akan menghubungi bapak di hotel. Dan kalau bapak juga ada pesanan, boleh hubungi teman-teman saya yang bekerja di sini," kata lelaki tua itu, kemudian bangun dan bersalam.

Lelaki itu terus pergi. Dia tercengang. Matanya mengekori langkah lelaki tua itu hingga ke hujung pintu dewan makan.

Hampir waktu subuh dia sudah pun bersiap-siap hendak ke masjid. Isterinya masih di kamar mandi. Dia mengenakan baju kurung Melayu berikat samping. Inilah pertama kali dia tidak beraya di Singapura. Jauh berada di Tanah Suci.

ISWARDY: BERMULA DENGAN PUISI, KUAT DI PROSA

Oleh: Kamarudin Iswad

Suasana Aidil Fitri amat berbeza dirasakannya. Di Mekah tidak semeriah Geylang Serai. Tak kelihatan lampu lap-lip seperti yang terhias di perumahan pangsa. Tak tercium bau masakan kuih dan ketupat. Tak ada suasana lagu hari raya berkumandang. Yang ada di Mekah hanyalah takbir, tahmid dan tahlil. Tanda kesyukuran kepada Ilahi.

Sedang asyik dia memusing-musing badan di depan cermin, tiba-tiba telefon berdering. Dia mengangkat gagang telefon.

"Assalamualaikum...", sambutnya.

"Wa'alaikumsalam. Err.. itu.. Pak Tengku Wahid, ya?" ujar suara di telefon, dengan nada yang cemas dan gementar.

"Ya..., ya!.."

"Oh, ya! Maaf pak. Dinihari begini saya mengganggu...."

"Tak mengapa. Ada apa Pak Haris?"

"Tenang saja pak. Atiqah.... Atiqah sudah mendahului kita. Baru sejam lepas.."

"Apa...???" Gagang telefon di tangannya bagaikan hendak terhempas. Jantungnya berdegup kencang.

"Insya-Allah. Lepas solat subuh di Masjid Al-Haram nanti, akan dijalankan solat jenazah kemanakan saya itu. Sekarang ini sedang dimandikan... hello...?"

Terketar-ketar tangannya memegang gagang telefon.

"Hello...? Hello...?"

Tiba-tiba badannya rebah dan terduduk di atas permaidani. Panggilan telefon tadi sudah terhenti. Dia meletakkan semula gagang telefon. Kelopak matanya tidak berkelip. Mulutnya teranga. Di depan matanya kini terbayang sekujur tubuh yang terlantar kaku. "Atiqah....", seru hati kecilnya.

Menjelang subuh di Masjid Al-Haram, bergemuruh takbir, tahmid dan tahlil. Dari luar kawasan masjid sudah penuh sesak dibanjiri manusia yang datang dari berbagai pelusuk. Mujur dia dan isterinya awal-awal sudah mendapat tempat di dalam masjid. Dia duduk tidak beberapa jauh menghadap Ka'abah di sudut Rukun Yamani. Manakala isterinya pergi ke kawasan yang berhampiran Bilal Gate.

Di dalam kesyahduan takbir Aidil Fitri, dia duduk tak henti-henti mengalirkan airmata. Betapa pilu hatinya terkenangkan seorang yang sangat dicintainya telah pergi mendahulinya menyahut panggilan Ilahi.

Sebentar kemudian, azan subuh berkumandang. Sesudah azan, jemaah bangun mendirikan solat sunnat dua rakaat. Kemudian solat subuh pun dimulakan. Sebaik saja jemaah selesai mengerjakan solat subuh, tiba-tiba kedengaran dari pembesar suara mengumumkan; "As-solatu 'alal maiyatati rahimakumullaah..."

Itu menandakan panggilan untuk mendirikan solat jenazah. Dan jenazah itu adalah jenazah seorang wanita. Kemudian jemaah pun segera bangun membentuk saf untuk menyempurnakan solat jenazah.

"Allahu akbar!" Imam memulakan takbiratulihram solat jenazah yang berulang sebanyak empat kali dan diakhiri satu salam.

Selesai solat jenazah, takbir Aidil Fitri menggemuruh semula Masjid Al-Haram. Dan sesudah terbit siang, solat Aidil Fitri dimulakan dan kemudian disusuli dengan dua khutbah.

Selesai solat dan khutbah Aidil Fitri, jemaah berasak-asak keluar dari Masjid Al-Haram. Kedengaran bunyi hon-hon kenderaan membingitkan. Dia menunggu isterinya di luar Bilal Gate. Kemudian dia ternampak isterinya muncul dengan wajah yang begitu sugul.

"Abang...", kata isterinya ketika berjalan seiring menuju pulang ke hotel. "Dah beberapa hari ni Mah tak jumpa dengan Atiqah. Tadi pun Mah tak jumpa dia. Mah tak tahu kenapa Tapi hati Mah ni macam rasa tak sedap. Asyik terkenangkan-kenangkan wajahnya. Kalau boleh sebelum kita balik ni, Mah ingin sangat berjumpa dengannya. Sekurang-kurangnya Mah dapat berdakapan dan mengucapkan Selamat Hari Raya...", sambung isterinya dengan nada yang begitu sayu dan pilu.

Dia menuding isterinya. Dia tak berkata apa-apa. Hanya kedengaran sebuah keluhan halus dari nafasnya■



Iswardy

MEMANG tidak banyak penulis yang sampai dapat bertahan melebihi 20 tahun. Terdapat bermacam alasan yang menyebabkan mereka tidak kuat mempertahankan kejadiannya sebagai penulis, apalagi untuk terus melahirkan karya-karya sastera mereka. Banyak nama yang telah muncul dalam paruh pertama selepas Singapura merdeka dan berdaulat, maka sebanyak itu juga yang harus lebih banyak menumpukan perhatian kepada kehidupan sehari-hari tanpa mampu lagi mencoretkan hasil seni kreatif bagi tatapan kita.

Ismail Wardi atau lebih terkenal dengan nama Iswardy ini adalah salah satu nama yang pernah terukir dalam wadah sastera Melayu di Singapura. Beliau merupakan seorang penulis yang masih mampu bertahan dalam pergumulan era siber ini. Iswardy yang lahir pada 4 Jun 1949 di Bencoolen Street menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota Raja, Sekolah Melayu Guillemard dan Sekolah Menengah Sang Nila Utama memulakan tulisan sasteranya dengan menulis puisi. Tetapi akhirnya Iswardy merasakan kekuatannya dalam penulisan cerpen dan novel.

Karyanya yang pertama dilahirkan yang berupa puisi berjudul *Pelaut* yang disiarkan di akhbar Berita Minggu pada 23 Mei 1971. Selain puisi dan cerpen Iswardy pernah juga menghasilkan naskah teater yang terkenal antaranya *Sampah-sampah* yang dipentaskan pada tahun 1978.

Sebagai penulis cerpen Iswardy termasuk sasterawan yang boleh

dianggap terdepan dalam penulisan jenis prosa ini. Sudah puluhan cerpen yang dihasilkan dalam berbagai-bagai tema masyarakat yang pernah diketengahkan itu.

Bila menyentuh tentang penulisan novel, Iswardy menyatakan bahawa dirasakan bidang novel itu lebih besar dan dapat pergi melakukan dalam perjalanan kreativiti dengan lebih jauh.

"Macam skrin TV yang kecil dan terbatas, maka bidang layar perak tentulah lebih besar dan lebih banyak dapat dimasukkan. Demikian juga, dalam misalan yang mudah, maka TV itu seperti cerpen dan sementara layar perak itu seperti novel," kata Iswardy dengan penuh yakin.

Cerpen-cerpen Iswardy dengan judul-judul agak eksentrik seperti "*Otak*", "*Polong*", "*Keranda*", "*Biliknya Berbau Setanggi*", "*Puaka*", "*Pohon Buluh Di Pinggir Buluh*" dan lain-lain itu seolah-olah menggambarkan Iswardy sebagai pengarang cerita-cerita seram, tetapi hal itu tidak berlaku. Karya-karyanya yang agak serius memang membawa persoalan berat untuk menjadi bahan pemikiran kita.

Cerpen "*Otak*" pernah memenangi Anugerah Sastera (Penghargaan) bagi tahun penilaian 1983-1984, novel "*Menjejak Arus*" telah memenangi Anugerah Sastera (Penghargaan) tahun 1993.

Sejauh ini Iswardy telah menghasilkan antologi cerpen "*Otak*" (1992), novel "*Menjejak Arus*" (1992), Novel "*Malam Merah*" (1995) dan antologi cerpen "*Warna Seraut Wajah*" (1996). Sementara karya-karyanya dimuatkan dalam antologi cerpen seperti "*Temasik*" (1987) "*Jamu*" (1988) "*Cerpen-cerpen Nusantara Mutakhir*" (1991). ■



ISWARDY





DUNIA SINAR

sinar benar itu sentiasa gemerlap
mewajahkan warna
bercahaya-cahaya
membukakan dirinya

terang
kepada sesiapa
berhati bersih
beribadah dalam kerelaan
sendiri tanpa pamreh
sinar benar itu mengunjungi
diri dan sesiapa
berhati tulen
bertakarruf kepada Allah
tiada yang lain-lain

MASURI S.N.
17 Januari 2000